

# Sinar Rohani

سینار روھانی

## Pembimbing Ummah

JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

JAKIM

Bil 2/2024

“Cabaran Mengekalkan  
Integriti Dalam  
Era Digital”



- Iman Dan Integriti:  
Bagaikan Aur Dengan Tebing

- Kerohanian Adalah  
Jati Diri Makhluk Manusia

- Sabar Dan Syukur  
Dua Sayap Kehidupan Mukmin

PERCUMA



# Seulas Kejujuran Pun Tidak Tersisa



*Mohd Haniff Mohammad Yusoff  
Pensyarah  
Universiti Utara Malaysia*

**Di lorong ini, sunyi sudah pupus,  
Tulisan iklan bersuara nyaring,  
Durian berlemak manis dari utara,  
Isinya kuning bak warna diraja,  
Sekali nikmati pasti kecanduan rasa.**

**Tanda harga menari-nari di kelopak mata,  
Menyembunyikan akal entah di mana,  
Lalu kita pun asyik terleka,  
Dan membeli sebuah bahagia.**

**Datanglah anakku ke dalam pelukkan,  
Riang gembira melihat yang kubawa,  
Sebuah bahagia demi keluarga tercinta,  
Lelah yang ku usung sebelumnya  
berciciran di lantai,  
Lekas-lekas kusembunyikan di bawah  
bayang-bayang.**

**Namun, jantungku gugur,  
Setelah mengupas durian bahagia,  
Sungguh, buah yang dibeli mengkhianati,  
Isinya tawar mematikan rasa,  
Kuningnya pudar tiada pesona.**

**Aku sedar aku bukan saudagar,  
Seperti mereka bermewah belanja,  
Tetapi dalam kocekku,  
Syiling integriti tak pernah berkurang.**



Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

Hak Cipta Terpelihara.

Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan majalah ini dalam segala bentuk dan dengan pelbagai cara sekalipun, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah JAKIM.

Sinar Rohani diterbitkan secara dalam talian oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) bermula tahun 2016/1437H.

Sidang Pengarang berhak melakukan perubahan ke atas karya yang dikirimkan selagi tidak mengubah isi kandungannya. Karya yang telah disiarkan boleh diterbitkan semula dengan syarat mendapat keizinan daripada Ketua Pengarah JAKIM. Semua sumbangan yang dikirimkan sama ada disiarkan atau tidak, tidak akan dikembalikan. Sidang Pengarang juga tidak bertanggungjawab berkaitan kehilangan tulisan yang dikirim melalui pos atau e-mel.

Artikel yang disiarkan dalam majalah ini tidak semestinya mencerminkan pendirian dasar JAKIM. Ia merupakan pendapat penulis sendiri.

# Sidang Redaksi

**PENAUNG**

Datin Paduka Hajah Hakimah Binti Mohd Yusoff  
(Ketua Pengarah JAKIM)

**PENASIHAT**

Dr. Haji Ruslan Bin Said  
(Timbalan Ketua Pengarah (Operasi))

**KETUA PENGARANG**

Azman Bin Mat Hassan  
(Pengarah Bahagian Penerbitan,  
JAKIM)

**PENGARANG**

Khairul Azman Bin Azizan

**PENOLONG PENGARANG**

Nur Madihah Binti Rakes Junaidi

**PENYUNTING**

Mohamad Zahir Bin Abdul Halim

**PENGURUS EDARAN**

Nurul Widyamirza Binti Sujan@Jan

**PEMBANTU EDARAN**

Husna Salsabila Binti Mohd Al'Ikhsan

**REKABENTUK**

Percetakan Norfatimah Sdn. Bhd

# Kandungan

- 2 SAJAK**  
Seulas Kejujuran Pun Tidak Tersisa
- 3 SIDANG REDAKSI**
- 4 LAMAN PENGARANG**  
Cabaran Mengelakkan Integriti Dalam Era Digital
- 6 PERSPEKTIF**  
Amanah Dalam Kehidupan
- 8 GLOBAL**  
Kesan Dan Pengaruh Nilai Mahmudah Terhadap Integriti Organisasi
- 10 FIKRAH**  
Pendidikan Agama Sebagai Asas Pembentukan Generasi Muslim Berkualiti
- 12 FOKUS**  
Iman Dan Integriti : Bagaikan Aur Dengan Tebing
- 16 TURATH**  
Nilai-Nilai Murni Dalam Al – Quran : Panduan Hidup Sejahtera
- 18 TAZKIRAH**  
Kerohanian Adalah Jati Diri Makhluk Manusia
- 22 ANEKDOT**  
Hisbah Kendiri Menyingkap Integriti
- 24 SEMASA**  
Sabar Dan Syukur: Dua Sayap Kehidupan Mukmin
- 26 INFO**  
Menyelami Tongak Kepada Integriti Menurut Islam
- 30 MIMBAR**  
Nilai Dipelihara, Produktiviti Diperkasa

# Cabaran Mengekalkan Integriti Dalam Era Digital



*Anotasi  
Pengarang*

**Khairul Azman bin Azizan**  
Penolong Pengarah Kanan  
Bahagian Penerbitan, JAKIM

Pada masa kini, era digital telah menawarkan pelbagai kemudahan dan inovasi yang memudahkan kehidupan sehari-hari kita. Dengan hanya beberapa ketikan, kita dapat berhubung dengan orang di seluruh dunia, mengakses maklumat tanpa had dan melaksanakan pelbagai urusan harian. Walaubagaimanapun, kemajuan ini juga membawa cabaran yang besar, khususnya dalam mengekalkan integriti. Dari perspektif Islam, integriti adalah nilai asas yang menekankan kejujuran, tanggungjawab, dan ketulusan dalam setiap tindakan. Namun, dalam dunia digital yang semakin kompleks, mengekalkan integriti memerlukan usaha yang berterusan dan kesedaran yang mendalam.

Dalam dunia digital, ramai beroperasi dengan identiti yang tidak dikenali atau menggunakan nama samaran. Anonimiti ini boleh membawa kepada kelakuan yang tidak bertanggungjawab seperti penyebaran fitnah dan kritikan melampau. Dalam Islam, setiap tindakan kita adalah tanggungjawab yang akan dipersoalkan di akhirat. Firman Allah SWT dalam surah Al-Zalzalah, 99:7-8;

“Maka sesiapa melakukan kebaikan seberat zarah, nescaya akan dilihatnya (dalam suratan amalannya). Dan sesiapa melakukan kejahatan seberat zarah, nescaya akan dilihatnya (dalam suratan amalannya).”



Selain itu, kemudahan penyebaran maklumat di era digital juga membuka ruang yang luas kepada penyebaran berita palsu dan fitnah. Dalam Islam, menyebarkan berita yang tidak sahih tanpa memeriksa kebenarannya adalah sesuatu yang dilarang keras. Firman Allah dalam surah Al-Hujurat ,49:6;

*"Wahai orang yang beriman, jika seseorang yang fasiq datang kepadamu membawa suatu berita, maka selidiklah (untuk menentukan) kebenarannya agar kamu tidak mendatangkan musibah kepada suatu kaum dengan perkara yang tidak diingini disebabkan kejahilan kamu (mengenainya) sehingga akhirnya kamu menyesali perbuatanmu itu"*

Umat Islam dituntut untuk memastikan setiap maklumat yang diterima dan disebarluaskan adalah benar dan sahih, serta tidak membawa mudarat kepada orang lain. Ayat ini mengingatkan kita untuk sentiasa meneliti kebenaran sesuatu berita sebelum menyebarkannya.

Cabaran lain termasuk plagiarisme dan penyalahgunaan harta intelek. Dalam Islam, hak cipta dan harta intelek adalah sesuatu yang perlu dihormati. Mengambil karya orang lain tanpa izin adalah sama seperti mencuri, dan ini adalah dosa besar. Dalam perniagaan dalam talian pula, kejujuran dan ketelusan adalah asas penting dalam setiap urusan perniagaan. Oleh itu, dalam perniagaan atas talian, peniaga Muslim harus memastikan bahawa mereka tidak menipu pelanggan, memberi maklumat yang tepat, dan memenuhi setiap janji yang telah dibuat.

Di samping itu, perlindungan privasi dan data peribadi juga menjadi isu penting dalam era digital, di mana Islam menekankan privasi individu adalah sesuatu yang perlu dihormati dan dilindungi. Oleh itu, mengekalkan integriti dalam era digital memerlukan usaha yang berterusan, kesedaran yang mendalam dan pematuhan kepada prinsip-prinsip Islam. Islam memberikan panduan yang jelas tentang kejujuran, tanggungjawab, dan ketelusan yang harus dipegang dalam setiap aspek kehidupan, termasuk dalam dunia digital. Dengan mengikuti prinsip-prinsip ini, umat Islam dapat memastikan bahawa mereka bukan sahaja selamat di dunia tetapi juga di akhirat. Integriti adalah cerminan iman seseorang, dan dalam era digital ini, ia adalah kunci untuk membina masyarakat yang aman, adil, dan sejahtera.



# AMANAH DALAM KEHIDUPAN



Dr. Sa'adi Bin Awang  
Penolong Pengarah Kanan  
Bahagian Pendidikan, JAKIM

Sifat amanah merupakan salah satu sifat yang mulia dalam ajaran Islam. Amanah juga merupakan salah satu sifat yang wajib bagi Rasulullah SAW. Sifat ini akan memandu manusia dalam amalan sehari-hari dan menentukan baik buruk akhlak seseorang dalam urusan sehari-hari. Islam menuntut umatnya berpegang dengan sifat amanah sehingga ia disebut dalam ayat al-Quran dan juga hadis Rasulullah SAW.

Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: Dari Ibnu Umar, bahawa Nabi SAW bersabda: "Apabila Allah hendak membinasakan seorang hamba maka Dia akan memcabut rasa malu darinya, apabila rasa malu sudah dicabut darinya maka kamu akan mendapatinya dalam keadaan sangat dibenci. Jika kamu tidak mendapatinya melainkan dalam keadaan sangat dibenci, maka akan dicabut amanah darinya, apabila amanah telah dicabut darinya, maka kamu tidak mendapatinya kecuali dalam keadaan menipu dan tertipu. Apabila kamu tidak menjumpainya melainkan dalam keadaan menipu dan tertipu, maka akan dicabut darinya sifat kasih sayang, dan apabila dicabut darinya kasih sayang, kamu tidak akan menjumpainya kecuali dalam keadaan terlaknat lagi terusir, dan apabila kamu tidak menjumpainya melainkan dalam keadaan terlaknat lagi terusir, maka akan dicabut darinya ikatan Islam." (Ibnu Majah Kitab Fitnah No Hadis 4044).

Firman Allah dalam surah an-Nisa ayat 58 yang bermaksud: "Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya) dan apabila kamu menjalankan hukum antara manusia, (Allah menyuruh) kamu menghukum dengan adil. Sesungguhnya Allah dengan (suruhan-Nya) itu memberi pengajaran sebaik-baiknya kepada kamu. Sesungguhnya Allah itu sentiasa Maha Mendengar lagi sentiasa Maha Melihat."

Melalui pengertian hadis dan ayat Allah di atas jelas menunjukkan kepada kita bahawa sifat amanah mesti dimiliki oleh setiap muslim. Sifat amanah ini termasuklah amanah terhadap diri, keluarga, masyarakat dan negara. Memelihara amanah yang diberikan adalah satu tanggungjawab maka hendaklah ditunaikan dengan sebaik-baik mungkin dan tidak menyalahgunakannya sama sekali.

Dalam kehidupan sehari-hari, sifat amanah mempunyai maksud atau pengertian amat luas dan mendalam. Ia bukan sekadar bersikap jujur dan betul dalam apa-apa jua urusan kehidupan manusia, malah ia turut meliputi tanggungjawab atau tugas yang wajib dilaksanakan. Ianya juga membabitkan segenap lapisan manusia sama ada pemimpin, rakyat, ibu bapa, anak dan individu. Dalam kata lain, sifat amanah ini merangkumi semua kehidupan manusia bermula dari mereka bangun tidur hingga mereka tidur kembali dan ianya berlangsung sehingga manusia dimatikan oleh Allah.



Nabi SAW bersabda: "Setiap orang daripada kamu ialah pemimpin dan setiap kamu bertanggungjawab terhadap orang bawahan dipimpinnya. Seorang lelaki ialah pelindung ahli keluarganya dan bertanggungjawab terhadap tanggungannya. Seorang wanita di rumah suaminya ialah pelindung dan penjaga bertanggungjawab terhadap jagaannya. Begitu juga seorang khadam sebagai penjaga amanah harta tuannya dan bertanggungjawab terhadap jagaan di bawahnya." (HR Bukhari)

Amanah dalam kehidupan boleh dibahagikan kepada beberapa aspek termasuklah dalam kehidupan berumah tangga dan kepimpinan. Dalam konteks rumah tangga, ibu bapa memikul amanah dan tanggungjawab yang besar dalam mengasuh, mendidik dan membesarkan anak dengan tarbiah atau pendidikan. Ibu bapa juga berperanan untuk menunaikan amanah menyediakan tempat tinggal, pakaian dan makan minum yang selesa kepada anak-anak mereka. Tanggungjawab ini haruslah dipikul bersama-sama antara ibu dan bapa. Ibu bapa harus berperanan secara hebat dalam mendidik anak-anak mereka. Justeru, ibu bapa memainkan peranan penting dalam sistem keluarga bagi mengukuhkan akidah, pemantapan ilmu Islam dan pengisian akhlak terpuji agar anak mereka kelak menjadi generasi bertakwa kepada Allah SWT dan bermanfaat kepada masyarakat dan negara.

Amanah bernegara terletak kepada pemimpin atau pemerintah yang dilantik. Dalam sistem demokrasi yang diamalkan oleh negara kita, pemimpin dipilih oleh rakyat melalui pilihan raya yang diadakan setiap 5 tahun sekali. Pemerintah merupakan tonggak utama dalam sesebuah negara, tanpa mereka keadaan masyarakat atau rakyat di negara tersebut akan menjadi huru-hara tiada insan yang bertanggungjawab untuk menguruskan kehidupan

bernegara. Pemimpin yang dilantik mesti ditaati oleh rakyat dan menjadi pemimpin bukan suatu perkara yang mudah. Firman Allah dalam surah an-Nisa ayat 59 yang bermaksud:

*"Wahai orang-orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada Ulil-Amri (orang-orang yang berkuasa) dari kalangan kamu..."*

Pemimpin memikul amanah besar lagi getir dalam pentadbiran apabila mereka wajib amanah dan jujur dalam melaksanakan tugas serta tanggungjawab bagi keharmonian dan kesejahteraan rakyat jelata. Mereka dengan tegas bertanggungjawab supaya menjaga amanah yang telah diberikan. Pemimpin dilarang sama sekali mengamalkan dasar nepotisme, kronisme dan rasuah atau mengeksplorasi jawatan serta kedudukan untuk kepentingan peribadi. Pemimpin juga dilarang mengamalkan dasar pilih kasih atas hubungan kekeluargaan yang termasuk dalam perbuatan khianat. Rasulullah SAW memberi peringatan keras berkenaan kesilapan memilih pemimpin: "Sesiapa melantik seseorang untuk mengetuai sesuatu kumpulan sedangkan ada orang lain lebih layak daripadanya di sisi Allah SWT, sesungguhnya dia mengkhianati Allah dan Rasul-Nya serta orang mukmin seluruhnya." (HR Ahmad dan Hakim).

Kesimpulannya amanah bukan sahaja hanya perkataan yang digambarkan sebagai sifat yang mulia dalam Islam, ianya membawa pengertian yang boleh dilihat daripada pelbagai sudut khususnya dalam kehidupan manusia sehari-hari. Menunaikan amanah merupakan tanggungjawab yang mesti dilaksanakan oleh manusia kerana ianya akan dipersoalkan oleh Allah suatu hari nanti. Oleh yang demikian, pikullah amanah sebaik mungkin bagi menjamin kelangsungan hidup kita di akhirat nanti.



# KESAN DAN PENGARUH NILAI MAHMUDAH TERHADAP INTEGRITI ORGANISASI



Nurhayati binti Abdullah  
Penolong Pengarah Kanan  
Bahagian Penyelidikan, JAKIM

Kecemerlangan sebuah organisasi bergantung kepada kualiti kakitangan yang merupakan aset penting kepada organisasi tersebut. Berdasarkan literatur korporat, interpretasi integriti organisasi menggabungkan aspek daripada sikap pengurus dan pekerja kepada struktur korporat dan sistem insentif. Kakitangan yang memiliki sifat amanah, bertanggungjawab, jujur dan ikhlas berupaya membina budaya integriti ke peringkat organisasi. Sifat-sifat ini adalah nilai-nilai mahmudah yang merupakan inti pati kepada integriti dan etika. Dengan kata lain, integriti mempunyai kaitan erat dengan ajaran yang diterapkan dalam akhlak Islam. Nilai-nilai ini bukan sekadar melibatkan perilaku baik diri individu sahaja bahkan memberi kesan ke atas organisasi dan mempengaruhi tindakan-tindakan baik yang dilakukan dalam aspek pekerjaan.

## DEFINISI INTEGRITI ORGANISASI

Berdasarkan Pelan Integriti Nasional 2004, integriti didefinisikan sebagai kualiti unggul yang wujud secara keseluruhan dan padu pada individu dan organisasi. Integriti berkaitan erat dengan etika. Ia adalah berlandaskan etika dan pencermynan etika dalam tindakan sehari hari. Manakala integriti organisasi tercermin dalam perumusan dan pelaksanaan kod etika, piagam pelanggan atau sistem dan proses kerja serta pematuhan kepada amalan terbaik. Kod etika organisasi ditegaskan, diulangi dan dihayati oleh anggota organisasi berkenaan sehingga menjadi kebiasaan dan akhirnya menjadi budaya organisasi<sup>1</sup>.

## KESAN DAN KEPENTINGAN NILAI-NILAI MAHMUDAH KEPADA ORGANISASI

Sistem pengurusan berkualiti dengan menekankan nilai-nilai murni akhlak Islam seperti amanah, tekun, bertanggungjawab, ikhlas dan jujur harus dititikberatkan dalam kehidupan seorang pekerja. Organisasi yang cemerlang mengutamakan nilai-nilai ini dalam amalan tadbir urus untuk memupuk budaya integriti tinggi, etika kerja murni, dan menghindari salah laku. Kepincangan negara, kemerosotan organisasi dan kebejatan sosial yang hanya mementingkan unsur materialistik pasti akan berlaku sekiranya hilang nilai suci agama dalam diri seorang individu.

Seorang Muslim Profesional sentiasa bercita-cita untuk menjadi individu yang cemerlang bukan hanya semasa bekerja dalam organisasi serta mengurus hal-ehwal dunia, malah untuk mencapai 'al-Falah' kehidupannya pada hari akhirat kelak. Ini kerana mereka memahami konsep ihsan dalam Islam. Mereka tidak menganggap bahawa sesuatu pekerjaan itu sekadar rutin biasa, namun tugas itu diniatkan hanya kerana Allah SWT. Konsep bekerja dengan amanah dan penuh tanggungjawab kerana Allah SWT menghasilkan ibadah. Pekerja tersebut sentiasa merasakan bahawa setiap gerak langkah mereka dilihat oleh Allah SWT dan dicatat oleh malaikat walaupun tanpa kehadiran manusia lain. Pekerjaan yang menjadi ibadah mendatangkan keberkatan dalam hidup di dunia dan akhirat.

<sup>1</sup> Pelan Integriti Nasional 2004 (Cet. Kelima), Institut Integriti Malaysia (2008).



Sifat bertanggungjawab berkait rapat dengan ciri kepimpinan. Islam menganggap bahawa setiap individu lelaki dan perempuan secara umumnya adalah seorang pemimpin. Paling minimumnya ialah setiap orang adalah pemimpin terhadap dirinya sendiri dan yang paling tinggi sekali ialah tanggung jawab seorang pemimpin terhadap rakyat bawahannya (Rujuk hadith Imam al-Bukhari dan Imam Muslim)<sup>2</sup>. Oleh itu, jawatan di peringkat mana sekali pun dalam sesebuah organisasi adalah satu 'taklif' atau tanggungjawab yang akan dipersoalkan di akhirat kelak. Ia adalah wasilah untuk mendapat pahala dan ganjaran daripada Allah SWT. Dalam satu hadith yang diriwayatkan oleh al-Baihaqi, Rasulullah SAW bersabda: "Sesungguhnya Allah menyukai jika seseorang melakukan sesuatu pekerjaan, dia melakukannya secara bersungguh-sungguh (sempurna dan berkualiti)." <sup>3</sup>

Pekerja yang tekun bukan sahaja bertanggungjawab kepada majikan bahkan sentiasa memudahkan urusan orang lain, menyantuni pelanggan dan pemegang taruh dengan penuh keprihatinan dan tanggungjawab. Nilai ini menjadikan setiap pekerja di semua peringkat sentiasa waspada dalam tindak tanduknya, komited dengan tugas yang diterima sebagai amanah serta sentiasa melaksanakan

yang terbaik demi kepentingan organisasi. Mereka tidak akan bersikap sambil lewa ketika bekerja, tidak suka bertangguh kerja bahkan akan berusaha dengan sebaiknya dalam menjayakan tugas kerana memiliki keperibadian bercirikan nilai-nilai mahmudah yang dibudayakan dalam organisasi.

Kesimpulannya ialah nilai-nilai mahmudah mempengaruhi nilai dan tingkah laku dalam persekitaran organisasi sehingga kod etika, piagam pelanggan dan sistem prosedur atau proses kerja diwujudkan berasaskan nilai-nilai ini supaya menjadi budaya dalam organisasi. Organisasi yang memberi keutamaan kepada integriti organisasi dilihat sebagai organisasi yang boleh dipercayai oleh pelanggan, majikan dan pemegang taruh. Integriti organisasi tidak akan tercapai tanpa penghayatan dan amalan nilai-nilai mahmudah pada diri setiap individu. Kepuasan pelanggan dan pemegang taruh diukur daripada kepuasan hati mereka dengan kualiti produk dan perkhidmatan yang disediakan oleh sesebuah organisasi. Nilai-nilai mahmudah menjadi kualiti diri Muslim Profesional untuk menepati setiap komitmen yang dijanjikan kepada pelanggan dan pemegang taruh.

<sup>2</sup> Hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari dan Imam Muslim RA. Sabda Nabi SAW: "Tiap-tiap seorang dari kamu adalah pemimpin dan akan diminta bertanggungjawab kepada orang-orang yang berada di bawah jagaannya. Seorang ketua negara bertanggungjawab terhadap rakyatnya dan akan disoal oleh Allah akan kepimpinannya. Seorang lelaki bertanggungjawab terhadap ahli keluarganya dan akan disoal terhadapnya. Seorang isteri bertanggungjawab ke atas rumah suaminya serta anaknya dan akan disoal berkenaan tanggungjawabnya; begitu juga seorang hamba bertanggungjawab kepada harta majikannya dan akan disoal berkenaan hambanya."

<sup>3</sup> Hadith al-Baihaqi, Nombor 4932 & Imam Tabrani, Nombor 897



Ahmad Shahrom bin Zamri  
Penolong Pengarah Kanan  
Bahagian Dasar Kemajuan Islam, JAKIM

# PENDIDIKAN AGAMA SEBAGAI ASAS PEMBENTUKAN GENERASI MUSLIM BERKUALITI

Pendidikan agama penting dalam kehidupan manusia. Ia adalah suatu hakikat yang tidak dapat dinafikan. Menurut Imam al-Ghazali pendidikan bermaksud mengeluarkan perangai buruk yang ada dalam diri manusia dan menggantikannya dengan menyemai sifat-sifat peribadi yang baik. Pendidikan juga bertujuan untuk menghasilkan perubahan positif khususnya dalam membentuk pemikiran, gaya bertindak dan perilaku seseorang.

Menurut Buya Hamka, pendidikan bukan hanya membantu manusia memperolehi penghidupan yang sebaiknya bahkan melalui ilmu pengetahuan manusia akan mengenal dirinya sebagai hamba, memperbaiki akhlaknya dan berupaya mencari keredaan Allah SWT dalam setiap amal perbuatannya. Buya Hamka seterusnya menghuraikan bahawa, pendidikan Islam adalah usaha yang dilakukan oleh pendidik untuk membentuk watak, budi, akhlak, peribadi sehingga individu yang dididik tahu membezakan perkara yang baik dan buruk. Individu yang diasuh dengan didikan Islam akan berupaya menjadi muslim sejati, beriman, beramal soleh dan berakhlak mulia sehingga menjadi ahli masyarakat yang berbakti kepada agama, bangsa dan tanah airnya.

Dalam bidang pembangunan insan, pendidikan Islam bertujuan untuk melahirkan *insan kamil* (sempurna) yang berakhlak mulia hingga akhirnya melahirkan generasi muslim berkualiti atau umat terbaik yang disebut sebagai *khaira ummah*. Generasi *khaira ummah* adalah umat yang

mempunyai dua sifat utama iaitu mengajak kepada kebaikan (maaruf) dan dalam masa yang sama mereka mencegah kemungkaran, jiwa mereka sentiasa tunduk patuh dan beriman kepada Allah SWT serta mencintai Rasulullah SAW.

Generasi *khaira ummah* ini digambarkan oleh Baginda Nabi Muhammad SAW seperti sabda Baginda Rasulullah SAW:

*"Sebaik-baik manusia ialah generasiku, kemudian generasi berikutnya, kemudian generasi berikutnya."* [HR : al-Bukhari dan Muslim]

Kehebatan generasi awal Islam dalam kalangan sahabat Baginda Rasulullah SAW ini diperincikan secara jelas dalam kitab suci al-Quran melalui firman Allah SWT dalam surah Ali-Imran ayat 110 yang bermaksud:

*"Kamu (wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi (faedah) umat manusia, (kerana) kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melarang daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji), serta kamu pula beriman kepada Allah (dengan sebenar-benar iman)."*

Pendidikan Islam yang diberi secara sempurna khususnya kepada golongan muda merangkumi gabungan ilmu duniawi dan ukhrawi (akhirat) akan membentuk peribadi unggul yang melahirkan generasi Muslim Berkualiti atau disebut sebagai '**The Golden Generation**'.

Generasi Emas Islam adalah golongan yang lahir dalam kalangan para sahabat Rasulullah SAW, Tabi'in, dan seterusnya generasi Tabi'ut-Tabi'in. Generasi ini telah memberi sumbangan yang sangat besar dan signifikan terhadap perkembangan Islam serata dunia. Berikut dinyatakan beberapa sumbangan utama generasi tersebut:

### **1. Penyebaran Ajaran Islam:**

- Para sahabat Radhiallahu Anhum (RH): Mereka secara langsung menerima wahyu dan ajaran daripada Nabi Muhammad SAW. Mereka menyebarluaskan agama Islam ke seluruh Jazirah Arab dan ke wilayah-wilayah lain. Mereka juga memainkan peranan utama dalam pertempuran dan penaklukan yang bertujuan untuk mempertahankan kesucian Islam daripada pihak musuh yang menceroboh dan membantu menyebarluaskan dakwah Islamiah.
- Golongan Tabi'in dan Tabi'ut Tabi'in: Generasi ini meneruskan kesinambungan tugas dakwah daripada para sahabat RH hingga ke penyebaran Islam ke seluruh pelosok dunia meliputi wilayah yang lebih luas dari Tanah Arab hingga ke benua Asia, Afrika, dan Eropah. Mereka menyebarluaskan ajaran Islam melalui perdagangan, misi keagamaan, diplomasi politik, aktiviti sosio-ekonomi, kebudayaan dan pendidikan.

### **2. Pengumpulan dan Penyampaian Hadis Nabi SAW sebagai sumber hukum selepas al- Quran al-Karim:**

- Generasi Sahabat: Mereka adalah perawi pertama hadis, yang menyampaikan ucapan, tindakan, perlakuan dan persetujuan atau ikrar Baginda Nabi Muhammad SAW kepada generasi seterusnya. Antara mereka termasuk golongan sahabat RH seperti Abu Hurairah, Saidatina Aisyah, dan Ibn Abbas.
- Generasi Tabi'in: Mereka memainkan peranan penting dalam mengumpulkan hadis melalui hafazan, penulisan dan menyebarluaskan hadis yang diterima dari sahabat RH melalui majlis-majlis ilmu dan kemudian menerbit kitab-kitab hadis sebagai rujukan umat. Mereka juga mula memperkenalkan dan mengembangkan metodologi ulum al-Hadis (ilmu-ilmu berkaitan hadis) untuk memastikan keabsahan hadis.

### **3. Pembentukan dan Pengembangan Hukum Islam (Fiqh):**

- Generasi Sahabat RH: Mereka terlibat dalam bidang pentafsiran hukum berdasarkan wahyu

dan sunnah Baginda Nabi SAW yang menjadi rujukan utama kepada generasi seterusnya (Tabi'in).

- Tabi'in: Generasi ini telah memperluas dan mengembangkan prinsip-prinsip hukum Islam sehingga mengembangkan sekolah-sekolah fikih (mazhab), dan menulis karya-karya penting dalam bidang hukum dan teologi (ilmu berkaitan agama).

### **4. Kepemimpinan dan Pemerintahan:**

- Generasi Sahabat RH: Khalifah utama yang diangkat memimpin umat Islam selepas kewafatan Rasulullah SAW iaitu Saidina Abu Bakar, Umar, Uthman, dan Ali RH, mereka memimpin umat muslim dan menjalankan pemerintahan berdasarkan prinsip-prinsip Islam ajaran Baginda Nabi SAW.
- Generasi Tabi'in: Mereka juga berperanan dalam pemerintahan dan pentadbiran dengan menerapkan prinsip-prinsip Islam dalam menguruskan negara dan mentadbir Masyarakat dengan seadil-adilnya.

### **5. Pendidikan dan Penulisan:**

- Generasi Sahabat RH: Mereka memperteguh dan menerapkan keimanan berteraskan ajaran Baginda Rasulullah SAW kepada generasi awal dan mengajar ilmu agama kepada generasi seterusnya.
- Generasi Tabi'in dan Tabi'ut Tabi'in: Mereka menulis dan menerbit karya-karya Islam dalam pelbagai disiplin ilmu sebagai rujukan kepada generasi seterusnya. Antaranya termasuk tafsir al-Qur'an, hadis, feqah, falsafah, perundangan, pendidikan, perubatan, ekonomi dan sejarah Islam. Karya-karya ini menjadi sumber penting bagi umat Islam dalam memahami dan mengamalkan ajaran agama.

Sumbangan-sumbangan ini membentuk dasar bagi perkembangan peradaban Islam dan pemahaman keagamaan yang mendalam, serta mempengaruhi banyak aspek kehidupan Muslim, ketamadunan dan peradaban manusia hingga ke saat ini. Sebagai kesimpulan, matlamat pendidikan Islam bukan sahaja ingin melahirkan generasi yang baik, keturunan yang baik, seorang yang taat pada peraturan, mahir dalam bidang-bidang yang diceburinya malah matlamat pendidikan Islam adalah melahirkan seorang manusia yang mempunyai sifat kemanusiaan, beriman, mendarangkan manfaat terhadap diri sendiri, orang lain, keluarga, masyarakat dan negara.

# IMAN DAN INTEGRITI: “BAGAIKAN AUR DENGAN TEBING”



**Norzaidan bin Haji Hamad**  
**Ketua Unit**  
**Unit Komunikasi Korporat, JAKIM**

Peribahasa melayu ‘bagaikan aur dengan tebing’ membawa konotasi bahawa sesuatu perkara yang saling memerlukan antara satu sama lain. Analogi pokok-pokok aur yang tumbuh secara semulajadi di tebing-tebing sungai yang memerlukan air yang banyak untuk terus hidup dan sungai akan terpelihara sekiranya ada pokok aur yang mendiami kawasan tebing sungai ini. Pokok aur dan sungai saling memerlukan antara satu sama lain.

Begitulah diumpamakan dengan iman dan integriti yang mempunyai hubungkait yang sangat rapat. Dalam Islam, konsep iman dan integriti sangat ditekankan sebagai acuan hidup bermasyarakat dan negara. Realiti harus diterima bahawasanya iman dan integriti adalah dua perkara penting yang menjadi cerminan kepada keimanan seseorang Muslim. Kedua-dua perkara ini harus menjadi inti pati serta pegangan hidup setiap insan dalam memastikan keindahan kehidupan baik di dunia maupun akhirat. Nabi Muhammad SAW sendiri menegaskan melalui hadis yang bermaksud, ‘Tiada iman bagi orang yang tidak amanah dan tak beragama orang yang tidak menuaikan janji’ (HR Ahmad).


Menurut kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), integriti bermaksud kejujuran, ketulusan, kesempurnaan dan keutuhan. Ini bermaksud integriti adalah sifat jati diri yang merangkumi juga

keterbukaan, keikhlasan, ketelusan, amanah, benar, berpegang kepada prinsip, tidak mudah dipengaruhi, boleh dipercayai dan lain-lain.

Perkataan integriti terbit daripada perkataan *integritas* atau *integratis* yang berasal daripada bahasa Latin yang disebutkan dengan perkataan integer, bermaksud keseluruhan atau lengkap. Dalam konteks objektifnya, integriti ialah rasa ‘keutuhan kualiti kejujuran dan sifat ketekalan’.

Oleh yang demikian, ‘memiliki integriti’ ialah sejauh mana seseorang itu bertindak sesuai dengan iman (kepercayaan dan prinsip) yang dianuti dengan hati yang ikhlas. Maka, konsep integriti tidak akan berpisah dengan iman kerana pemisahannya laksana berpisah nyawa daripada jasad. Integriti tanpa iman laksana bangkai tanpa nyawa.

Integriti ialah amalan bersikap jujur dan menunjukkan kepatuhan tanpa kompromi terhadap prinsip dan nilai moral serta etika yang kuat. Dalam etika, integriti dianggap sebagai kejujuran dan kebenaran atau ketepatan tindakan seseorang. Integriti itu berlaku dengan iman yang ikhlas kepada Allah SWT tanpa bersifat munafik. Keikhlasan itu keluar daripada hati yang beriman, seterusnya menggerakkan seseorang itu bertindak melalui anggota jasadnya. Adanya sifat munafik bermakna imannya ditolak oleh Allah SWT.



Isu integriti dan rasuah sering kali menjadi topik perbincangan dalam kalangan masyarakat kita. Banyak kes dilaporkan berlaku membabitkan individu yang mengkhianati tanggungjawab atau amanah diberi. Di media juga kerap kali dipaparkan mengenai tangkapan dilakukan oleh pihak berkuasa akibat rasuah dan salah guna kuasa. Isu ini melibatkan kakitangan di peringkat bawahan dan atasan. Persoalan yang sering berlegar di minda - mengapa semakin ramai yang terjebak dengan rasuah dan apakah nilai iman dan integriti dalam diri masing-masing semakin hilang?

Maka dengan itu kita amat memerlukan nilai keimanan kepada Allah SWT untuk memandu kita ke arah kebaikan. Iman yang kukuh boleh menjadi benteng kepada diri kita dalam menangani pelbagai isu dalam kehidupan termasuk isu-isu integriti. Oleh itu iman dan integriti tidak boleh dipisahkan malahan amat berkait rapat umpama 'bagaikan aur dengan tebing'. Pelbagai usaha boleh dilakukan bagi memastikan nilai-nilai keimanan itu sebatи dengan jiwa insan.


Kita boleh mewujudkan atau sentiasa mencari suasana yang baik (*biah solehah*) dalam kehidupan seharian. *Biah solehah* iaitu suasana masyarakat sekeliling yang suka kepada agama dan kebaikan. Kita sentiasa bersama dengan

anggota masyarakat yang menekankan kepada norma kehidupan yang positif dan amalan-amalan murni.

Penguatkuasaan undang-udang yang tegas dan bersepada oleh pelbagai agensi bagi mencegah pecah amanah dan korupsi juga antara usaha penyelesaian ketirisan integriti dan rasuah. Pihak berkuasa sentiasa berusaha meningkatkan inisiatif penguatkuasaan undang-undang agar dapat mengekang segala bentuk salah laku dan perlanggaran undang-undang di negara ini.

Selain itu, seseorang itu juga perlu kembali kepada konsep kerja sebagai ibadah berteraskan keredaan Allah SWT. Ini amat penting kerana ia akan membentuk landasan pematuhan kepada halal dan haram, sekali gus menyedari balasan syurga atau neraka. Dalam masa sama, ia membetulkan institusi keluarga dan masyarakat ke arah penghasilan akhlak mulia yang menyokong keberhasilan produktiviti tinggi, meningkatkan imej agama, bangsa dan negara.

Islam menegaskan kepada perspektif bahawa integriti yang perlu difahami bahawa adanya hisab dalam urusan dunia apabila berada di alam akhirat nanti. Allah SWT berfirman dalam surah Ali 'Imran: ayat 185 yang bermaksud: "Tiap-tiap yang bernyawa pasti akan merasai mati, dan bahwasanya pada Hari Kiamat sahajalah akan disempurnakan balasan bagi kalian. Ketika itu, sesiapa yang dijauhkan dari neraka dan dimasukkan ke syurga, maka sesungguhnya dia telah beruntung. Dan (ingatlah bahawa) kehidupan di dunia ini tidak lain hanyalah kesenangan yang memperdayakan.".





Semua perkara yang berlaku di dunia merupakan ujian dan ketetapan Allah SWT kepada manusia yang diberikan nikmat hidup dengan kurniaan-Nya setelah mereka diciptakan. Kemudiannya, segala urusan dan perbuatan mereka akan dikembalikan kepada Allah SWT untuk dihisab dan dihukum sama ada dengan balasan neraka atau ganjaran syurga. Manusia perlu memahami hakikat ini dengan penuh keyakinan dan keimanan kepada Allah SWT yang Maha Berkuasa.

Dalam perspektif yang lain, semua makhluk berada di bawah pengawasan Allah SWT, Tuhan yang Maha Mengetahui. Hal ini sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 284 yang bermaksud: "Segala yang ada di langit dan di bumi adalah kepunyaan Allah. Dan jika kalian melahirkan apa yang ada di dalam hati kalian atau kalian menyembunyikannya, nescaya Allah akan membuat perhitungan dengan perbuatan kalian tersebut. Kemudian Dia mengampunkan bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya dan menyekska sesiapa yang dikehendaki-Nya. Dan (ingatlah), Allah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu."


Sesungguhnya Islam menegaskan wujud integriti dengan adanya iman. Tanpa iman, maka tiada integriti yang sebenar di sisi Allah SWT. Amalan yang ikhlas dilakukan bukan kerana makhluk tetapi kerana

Allah

S W T .

N a m u n ,  
tindakan undang-  
undang tetap perlu dikuatkuasakan berkonsepkan  
amar *ma'ruf* dan *nahi* mungkar dengan tujuan  
mendidik ummah dan bukannya untuk menghukum  
semata-mata.

Pada masa yang sama, seseorang itu juga seharusnya tidak berterusan melakukan dosa-dosa kecil dan tidak melakukan perkara yang menjatuhkan maruah, sekalipun perbuatan itu tidak berdosa. Setiap perbuatan perlu dilakukan dengan niat yang ikhlas dan ia menjadi syarat sesuatu amalan itu diterima Allah SWT. Firman Allah SWT dalam surah al-Tawbah: ayat 105 yang bermaksud: "Dan katakanlah: "Bekerjalah kalian, maka Allah dan Rasul-Nya serta orang-orang Mukmin akan melihat pekerjaan kalian itu, dan kalian akan



dikembalikan kepada (Allah) Tuhan yang Maha Mengetahui akan perkara yang ghaib dan nyata, lalu diberitakan-Nya kepada kalian apa yang telah kalian kerjakan."

Justeru, integriti adalah sebahagian daripada nilai-nilai penting dan berperanan besar dalam membina tingkah laku dan sahsiah manusia untuk menjadi sempurna. Kita perlu menjadikan Rasulullah SAW sebagai idola dan contoh teladan sebagai hamba Allah yang berintegriti tinggi. Empat nilai keperibadian terpuji Rasulullah SAW yang menjadi teras kepada nilai integriti iaitu As-Siddiq (sangat benar), Amanah (diperdayai), Tabligh (menyampaikan) dan Fatanah (bijaksana).

Allah SWT berfirman dalam surah al-Ahzab ayat 21 yang bermaksud: "Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik, laitu bagi orang yang sentiasa mengharapkan (keredaan) Allah dan (balasan baik) hari akhirat, serta ia pula menyebut dan mengingati Allah banyak banyak (dalam masa susah dan senang)".

Manusia yang tidak menegakkan nilai-nilai integriti dalam diri mereka akan menyebabkan mereka mudah melakukan perbuatan dosa yang dimurkai oleh Allah SWT, seperti mengamalkan rasuah, ketidakpatuhan peraturan, pecah amanah, tidak berdisiplin, cuai melaksanakan tugas dan lain-lain.


Sebagai kesimpulan, integriti yang berlandaskan nilai-nilai keimanan kepada Allah SWT yang berpaksikan kekuatan tauhid, syariah dan akhlak adalah penyelesaian tuntas kepada permasalahan integriti dalam kalangan masyarakat. Integriti adalah berkait rapat dengan nilai-nilai akhlak yang mulia dan perlu dimiliki oleh setiap muslim. Manfaat atau kelebihan berintegriti akan dapat dimanfaatkan oleh individu, ahli keluarga, masyarakat, dan juga negara. Maka sekali lagi ditegaskan bahawa iman dan integriti nescaya tidak boleh dipisahkan dan ia "**Bagaikan Aur Dengan Tebing**".

# NILAI-NILAI MURNI DALAM AL-QURAN: PANDUAN HIDUP SEJAHTERA



*Mazlina Binti Jalani  
Penolong Pengarah Kanan  
Unit Integriti, JAKIM*

**A**l-Quran adalah kitab suci yang paling akhir diturunkan oleh Allah SWT kepada Nabi Muhammad SAW, Nabi dan Rasul terakhir, memansuhkan kitab-kitab suci yang terdahulu<sup>i</sup>. Al-Quran merupakan kitab panduan hidup dan rujukan utama umat Islam di samping sunnah Rasulullah SAW yang terkandung di dalamnya dari segenap aspek akidah, syariah dan akhlak. Allah SWT berfirman di dalam surah an-Naml, ayat 1-2:



Maksudnya: "Thaa, siin. Ini ialah ayat-ayat al-Quran, juga Kitab yang jelas nyata (kandungannya dan kebenarannya), Menjadi hidayah petunjuk dan berita gembira bagi orang-orang yang beriman."

Berdasarkan ayat di atas, jelas bahawa petunjuk dan berita gembira hanya tercapai dari Al-Quran, iaitu bagi orang yang mengimani, mengikuti dan membenarkan serta mengamalkan isi kandungannya<sup>ii</sup>. Nilai-nilai murni di dalam Al-Quran yang termasuk dalam aspek akhlak merupakan panduan hidup sejahtera umat Islam, iaitu:

**Pertama: Ikhlas** -Ertinya menyucikan amalan dengan niat yang betul, iaitu kerana Allah SWT. Ikhlas juga bererti menghambakan diri kepada Allah semata-mata hanya mengharapkan akan keredaan-Nya. Ikhlas bermakna jujur dalam niat, ucapan, dan perbuatan. Perkara ini diterangkan di dalam al-Quran SWT di dalam surah al-Bayyinah, ayat 5:

وَمَا أَمْرُوا إِلَّا لِيَعْبُدُوا اللَّهَ مُخْلِصِينَ لَهُ الدِّينَ

Maksudnya: "Pada hal mereka tidak diperintahkan melainkan supaya menyembah Allah dengan mengikhlaskan ibadat kepada-Nya."

Di dalam ayat tersebut, Allah SWT memerintahkan kita supaya ikhlas dalam melakukan perbuatan, kerana sesuatu amalan yang dilakukan dengan sempurna ikhlas hanya kerana Allah akan mendapat ganjaran di akhirat kelak<sup>iii</sup>. Ikhlas adalah suatu niat murni dan tulus di mana dalam mengerjakan segala sesuatu amalan untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT, tanpa mengharapkan pujian dari manusia.


**Kedua: Sabar** -Ertinya keupayaan diri dan anggota dalam melakukan ketaatan dan meninggalkan maksiat kepada Allah SWT.<sup>iv</sup> Sabar merupakan suatu sifat yang boleh memelihara diri daripada sesuatu ketetapan yang telah diputuskan oleh akal fikiran atau keputusan yang lain. Allah SWT telah menyebutkan sifat sabar di dalam al-Quran tidak kurang daripada lapan puluh kali, dalam bermacam bentuk, untuk menunjukkan betapa tinggi nilai dan keutamaanya. Tetapi yang paling hebat apabila Allah SWT menyebut di dalam surah al-Baqarah, ayat 153:

إِنَّ اللَّهَ مَعَ الصَّابِرِينَ

Maksudnya: "Sesungguhnya Allah bersama orang-orang yang sabar."

Sifat sabar dapat mengawal diri seseorang daripada kegelisahan dan menerima segala dugaan, rintangan dan segala suruhan Allah SWT dengan hati yang tenang, iaitu tidak merasa jemu dan berputus asa dalam menghadapi kesulitan hidup. Sebagai seorang Mukmin, semasa ditimpa kesusahan, kita perlulah bersabar dan memohon pertolongan daripada Allah SWT.


**Ketiga: Benar** -Bermaksud tidak berdusta dari segi perkataan, perkhabaran dan perbuatan. Bersifat benar akan melahirkan seseorang yang mempunyai sifat ikhlas dan taqwa<sup>i</sup> serta menjauhkan diri daripada kemunafikan. Amal perbuatan yang dilakukan dengan benar dan jujur sahaja yang diterima dan mendapat keredaan Allah SWT. Firman Allah SWT di dalam surah Muhammad, ayat 21:



Maksudnya: "Maka kalaualah mereka bersifat jujur kepada Allah (dengan mematuhi perintah-Nya), tentulah yang demikian itu amat baik bagi mereka."

Kita dituntut untuk bersikap benar kerana orang yang benar, tidak berbohong apabila berkata-kata; ikhlas membuat kebaikan semata-mata kerana Allah SWT; menepati janji dan melaksanakan tugas dengan jujur tanpa mengharapkan sebarang balasan.


**Keempat: Amanah** -Setiap yang wajib dipelihara dan ditunaikan oleh umat Islam kepada ahlinya. Amanah merupakan suatu perkara yang sangat penting dalam kehidupan. Manusia tidak boleh melepaskan diri daripada menunaikan amanah yang telah dibebankan kepadanya, sebagaimana firman Allah SWT di dalam surah an-Nisa, ayat 58:



Maksudnya: "Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya)."

Amanah merupakan nilai peribadi asas bagi seorang Muslim yang dituntut oleh Syarak. Seseorang yang amanah akan melaksanakan tugas yang diberi kepercayaan kepadanya dengan penuh keikhlasan dan tanggungjawab tanpa mengabaikannya.


**Kelima: Bersyukur** -Bermaksud melahirkan atau mengucapkan penghargaan pujian dan terima kasih kepada Allah SWT dan sesama manusia di atas nikmat kurniaan Allah SWT kepadanya. Firman Allah SWT di dalam surah Ibrahim, ayat 7:



Maksudnya: "Demi sesungguhnya! Jika kamu bersyukur nescaya Aku akan tambahi nikmatKu kepada kamu,"

Allah SWT memberikan nikmat berlipat kali ganda banyaknya kepada orang yang bersyukur. Kita wajib melahirkan rasa kesyukuran kepada Allah SWT dengan cara melakukan amal soleh serta melaksanakan amar makruf dan nahi mungkar. Perasaan syukur menjadikan seseorang bekerja dengan penuh tekun tanpa sebarang rungutan serta patuh dan sabar menerima semua arahan melaksanakan tugasan.

Al-Quran adalah mukjizat abadi hingga kiamat, kewujudannya diyakini sepanjang masa bak kata pepatah Melayu, 'Tak lekang dek panas, tak lapuk dek hujan' dan akan sentiasa relevan pada setiap waktu dan zaman. Segala isinya perlu difahami dan dihayati malahan diaplikasi dengan menjadikan nilai-nilai murni dalam al-Quran sebagai panduan hidup sejahtera, baik dalam urusan dunia ni atau pun ukhrawi.



i Mastika Hadith Rasulullah SAW, Jilid Pertama, JAKIM, 1996, hlm. 45.

ii Tafsir Ibnu Katsir, Jilid 6, Pustaka Imam Asy-Syafi'i, Bogor, 2004, hlm.198.

iii Terjemahan Riyad al-Salihih, Jilid 1, BAHIES, JPM, hlm.2.

iv Terjemahan Riyad al-Salihih, Jilid 1, BAHIES, JPM, hlm.46.

v Terjemahan Riyad al-Salihih, Jilid 1, BAHIES, JPM, hlm.83.

# KEROHANIAN ADALAH JATI DIRI MAKHLUK MANUSIA



*Dato' Zakaria Stapa  
Profesor Emeritus Pengajian Islam  
Universiti Kebangsaan Malaysia*

Pertama-tama wajar diacukan pertanyaan yang amat asas dalam kaitan dengan makhluk manusia, iaitu makhluk hebat yang bernama manusia itu sebenarnya siapa? Apakah komponen-komponen yang mendasari kewujudannya sebagai manusia? Kelihatan cukup ramai manusia, khususnya dalam zaman pascamoden sekarang, tidak kenal siapa sebenarnya diri mereka. Fenomena dan pelbagai gelagat manusia semasa menjadi bukti bahawa sebaha gian mereka sebenarnya tidak betul-betul kenal diri mereka sendiri. Justeru, mereka berlagak dan bertingkah laku dengan cara yang menggambarkan bahawa mereka sebenarnya menentang dan bertarung dengan tabii diri mereka sendiri. Maka hasilnya muncullah pelbagai fenomena perlakuan kemanusiaan yang melambangkan mereka sebenarnya kehilangan keseimbangan dalam keseluruhan diri mereka itu sendiri.

Justeru, perkara yang amat asas ini perlu difahami secara tepat oleh makhluk manusia supaya mereka tidak perlu berlagak dan bertindak sebagai orang lain atau makhluk lain yang akibatnya akan menghancurkan diri mereka sendiri dengan hilangnya ketenangan, kesejahteraan dan kebahagiaan hidup serta hilang maruah dan harga diri. Persoalan utama ini perlu diselesaikan dengan berpandukan kepada pernyataan Allah SWT sebagai Pencipta yang Maha Mengetahui segala sesuatu berkait dengan tabii ciptaan-Nya yang paling sempurna ini.

Sesungguhnya peri hakikat tabii kejadian manusia adalah terdiri daripada dua unsur jasad dan roh sebagaimana terungkap jelas dalam al-Quran seperti di bawah:

Maksudnya: "Ingatlah peristiwa tatkala Tuhanmu berfirman kepada Malaikat "Sesungguhnya Aku hendak mencipta manusia —Adam— dari tanah; kemudian apabila kejadiannya, serta Aku tiupkan padanya roh dari [ciptaan]-Ku, maka hendaklah kamu sujud kepadanya"

(Sad, 38:71-72)

Maksudnya:...dan Yang memulai penciptaan manusia dari tanah. Kemudian Dia menjadikan keturunannya dari saripati air yang hina [air mani]. Kemudian Dia menyempurnakannya dan meniupkan ke dalam [tubuh]nya roh [ciptaan]-Nya...

(al-Sajdah, 32:7-8)

Dalam firman-firman di atas Allah SWT menjelaskan bahawa makhluk manusia itu dicipta daripada dua unsur yang berbeza: pada satu peringkat manusia dicipta daripada sesuatu yang bersifat material sama ada secara langsung daripada tanah seperti yang berlaku kepada Adam AS, atau dicipta daripada air mani seperti yang berlaku kepada keturunan Adam AS. Aspek inilah yang kemudian ditafsirkan sebagai tubuh atau jasad. Unsur kedua pula bersifat non-material yang disebut sebagai roh atau unsur kerohanian yang didatangkan secara langsung daripada Allah SWT.

Peri hakikat tabii diri manusia ini diperjelaskan dengan cukup menarik dan mendalam dalam tradisi kerohanian Islam yang diwakili oleh disiplin ilmu Tasawuf. Ia dikaitkan dengan teori atau konsep *al-mithaq* sebagaimana dijelaskan oleh tokoh sufi tersohor, al-Junayd al-Baghdadi (m. 297H./830M.) menerusi tulisan beliau *al-Rasa'il* (1988). Teori *al-*

mithaq ini diasaskan kepada ayat al-Quran surah al-A'raf ayat 172:

Maksudnya: "Ingalah wahai Muhammad, ketika Tuhanmu mengeluarkan zuriat anak-anak Adam [turun temurun] dari [tulang] belakang mereka, dan Dia jadikan mereka saksi terhadap diri mereka sendiri [sambil Dia bertanya dengan firman-Nya]: "Bukankah Aku Tuhan kamu?" Mereka semua menjawab: Benar [Engkaulah Tuhan kami], kami menjadi saksi". Yang demikian supaya kamu tidak berkata pada hari kiamat kelak: Sesungguhnya kami adalah lalai [tidak diberi peringatan] tentang [hakikat tauhid] ini"

(al-A'raf, 7:172)

Berdasarkan ayat al-Quran di atas, dilihat daripada aspek kewujudan manusia, al-Junayd menjelaskan bahawa Allah SWT memerihalkan keadaan Dia berfirman kepada manusia dalam suatu tempoh di mana mereka masih belum wujud secara realiti di alam nyata seperti sekarang. Kewujudan tersebut hanyalah kewujudan yang diketahui dan disedari oleh Allah SWT dalam ilmu-Nya sahaja yang sifatnya tidak terikat dengan masa. Oleh itu, menurut al-Junayd, kewujudan makhluk manusia berlaku dalam dua jenis ataupun tahap berikut:

- **Pertama**, kewujudan yang bersifat divine, iaitu kewujudan pada satu tempoh di mana kalangan manusia belum dibawa datang ke alam semesta ini. Wujudnya manusia pada tahap tersebut adalah penuh dengan kesucian dan kekudusan. Mereka berhubung langsung dengan Tuhan mereka tanpa sebarang hijab. Justeru, dalam keadaan sedemikian, nufus manusia mengikrarkan secara pasti keesaan Allah SWT apabila dihadapkan khitab kepada mereka menerusi ungkapan firman *alastu bi Rabbikum*—bukankah Aku Tuhan kamu? Ini kerana nufus tersebut tidak pun tersihud kepada mereka apa-apa pun dalam wujud selain daripada Allah SWT semata-mata, lalu mereka menjadi *fana'* "dalam" Tuhan, dan malahan mengalami suasana kehilangan wujud diri mereka sendiri.
- **Kedua**, wujudnya makhluk manusia dalam alam semesta yang diciptakan oleh Allah SWT ini. Kewujudan ini adalah bersama jasad. Justeru, mereka menjadi lupa kepada "persetiaan" atau *mithaq azali* yang sudah sedia diperakukan sebelumnya. Kelupaan ini terhasil disebabkan oleh wujudnya hijab serta penguasaan syahwat pada diri manusia yang terhasil daripada percantuman roh dengan jasad. Kesibukan kehidupan untuk memenuhi tuntutan-tuntutan jasad itu menjadi penyebab manusia lupa kepada *mithaq* yang telah diikrarkan sejak azali lagi.

Sesungguhnya kewujudan makhluk manusia pada tahap pertama seperti di atas adalah merujuk sepenuhnya kepada tabii non-material daripada diri manusia. Apabila muncul tahap kedua, barulah berlakunya percantuman aspek non-material dengan tabii material dalam tabii diri makhluk manusia. Perihal seumpama ini dianalisis lanjut oleh Imam al-Ghazali (m.505H./1111M.) di dalam *Ihya Ulum al-Din* (t.th.). Imam al-Ghazali menjelaskan bahawa unsur non-material atau kerohanian di dalam diri manusia itu terangkum sekaligus di dalam istilah-istilah yang bukan hanya tertumpu kepada istilah roh itu sendiri sahaja, tetapi kalbu, *nafs* dan akal. Imam al-Ghazali menggunakan keempat-empat istilah ini iaitu roh, kalbu, *nafs* dan akal seolah-olah boleh ditukar-ganti antara satu sama lain, di mana keempat-empatnya merujuk kepada apa yang diungkapkan oleh Imam al-Ghazali sebagai bersifat *latifah rabbaniyyah ruhaniyyah*, yang terdapat di dalam diri manusia dan merupakan hakikat sejati atau jati diri makhluk manusia. Kewujudan aspek kerohanian inilah menyebabkan manusia ditakrifkan.

Perihal fakta mengenai jati diri manusia itu adalah merujuk kepada aspek kerohanian yang bersifat non-material dengan jelas dinyata dan diperkuuhkan menerusi firman Allah dalam surah al-A'raf ayat 179:

Maksudnya: "Dan sesungguhnya Kami jadikan untuk [isi] neraka Jahanam kebanyakannya daripada jin dan manusia. Mereka mempunyai kalbu [hati], tetapi tidak dipergunakannya untuk memahami (ayat-ayat Allah) dan mereka mempunyai mata [tetapi] tidak dipergunakannya untuk melihat [tanda-tanda kekuasaan Allah], dan mereka mempunyai telinga [tetapi] tidak dipergunakannya untuk mendengar [ayat-ayat Allah]. Mereka itu adalah seperti binatang ternak, bahkan mereka lebih sesat lagi. Mereka itulah orang-orang yang lalai."

Firman Allah di atas secara jelas menyatakan bahawa makhluk manusia termasuk jin terpaksa "meletak jawatan" sebagai manusia, lalu berubah status menjadi bagaikan binatang ternak malahan lebih sesat daripada binatang ternak kerana mereka tidak menggunakan aspek kerohanian serta juga keupayaan yang diupayakan oleh wujudnya aspek kerohanian dalam diri mereka iaitu, dalam konteks ayat di atas, mata dan telinga bagi mendekatkan diri kepada Pencipta. Demikianlah besar dan amat pentingnya aspek kerohanian milik makhluk manusia yang mendefini dan melambangkan jati diri mereka sebagai benar-benar manusia, sehingga mereka, dalam pandangan Islam, tidak dapat megekalkan status kemanusiaan mereka apabila tidak menggunakan aspek kerohanian yang mereka miliki tersebut mengikut rencana yang disediakan untuk kepentingan mereka oleh Allah Maha Pencipta.



Pada prinsipnya, unsur-unsur *non-material* atau kerohanian yang dianalisis di atas, di samping merupakan hakikat jati diri manusia, ia adalah juga berfungsi memberikan ciri kehebatan dan keunggulan makhluk manusia berbanding makhluk-makhluk ciptaan Allah SWT yang lain apabila ia dikembangkan mengikut rencana yang disediakan oleh Allah untuk mereka hayati setepatnya. Dalam konteks ini, al-Quran menjelaskan tentang keunggulan makhluk manusia berbanding para malaikat (al-Baqarah, 2:30-33). Begitu juga berbanding dengan makhluk jin seperti kisah yang melibatkan Nabi Sulaiman AS dan Puteri Balqis yang terungkap dalam Surah al-Naml ayat 38-40. Malahan lebih jauh lagi makhluk manusia akan beroleh *al-falah* dalam kehidupan dunia-akhirat apabila potensi kerohanian diri mereka dikembangkan setepatnya menerusi pendekatan *tazkiyah* sebagaimana terungkap dalam firman Allah Surah al-Shams ayat 7-10.

Berdasarkan huraian-huraian di atas ternyata bahawa kehebatan dan keunggulan, malah kejayaan hidup makhluk manusia itu tertumpu kepada aspek kerohanian yang dikurniakan oleh Allah SWT kepada mereka. Bagaimanapun semua itu hanyalah akan terlaksana dengan baik apabila aspek kesejadian diri manusia itu iaitu aspek kerohanian diri mereka dikembangkan sewajarnya dengan mengikut tatacara yang betul seperti mana yang dikehendaki oleh pihak yang mengurniakannya, iaitu Allah SWT. Oleh itu, adalah tepat dan wajar sekali rumusan yang dibuat oleh Dr. Muhammad al-Bahi (1979) di dalam salah satu tulisan beliau dengan mengatakan bahawa kerohanian adalah intisari diri manusia dan ciri-ciri peribadinya. Ia bukanlah sesuatu yang ditampal pada manusia atau yang asing bagi manusia, kerana apabila kerohanian itu menjadi intisari kemanusiaan, maka bermakna bahawa kerohanian merupakan pusat hidup dan pusat segala kegiatannya. Justeru itu, perlulah difahami secara tepat bahawa aspek material ataupun jasad manusia itu dijadikan hanya sebagai tunggangan kepada roh, di mana jasad itu dijadikan untuk kepentingan roh dan bukan sebaliknya.

Pada sisi inilah boleh diperhatikan dengan jelas kesilapan atau ketersulutan sebahagian besar manusia zaman kini termasuk umat Islam Malaysia yang tidak dapat menanggapi secara tepat hakikat sebenar diri mereka, lalu mengabaikan aspek kerohanian yang merupakan paksi utama kewujudan dan kehadiran mereka di alam ini. Dalam keadaan tersebut, adalah boleh diperhatikan betapa manusia sibuk sepanjang masa di dalam hal-hal yang hanya bersangkutan dengan persoalan kebendaan di dalam diri dan luar diri mereka serta pemuasan aspek tersebut secara sepenuhnya. Hal ini terlambang, antara lain-lain, dalam kesibukan dan hiruk-pikuk dunia peraturan, fesyen, kosmetik,

hiburan, sukan, penonjolan seks, dan pelbagai perkara lagi. Bahkan lebih daripada itu terpamir jelas dalam tempoh semasa bahawa secara umumnya makhluk manusia melakukan, atau tidak melakukan, sesuatu dalam kehidupan harian mereka adalah didorong dan dimotivasi oleh keuntungan atau kerugian aspek kebendaan. Suasana seumpama ini tidak wajar dibenarkan berterusan kerana ia akan menghakis aspek-aspek positif daripada diri manusia, di samping ia juga akan menaburkan pelbagai perlakuan manusia yang tidak sihat dan boleh mengganggu ketenteraman hidup bermasyarakat sebagaimana kesannya, antara lain-lain, boleh diperhatikan terjadi di sana sini pada hari ini.

Huraian dan analisis yang dipaparkan di sini tidak pula bermakna bahawa aspek kebendaan dalam diri manusia, berserta dengan segala keperluannya mesti diketepikan atau tidak perlu diberi perhatian langsung. Namun di dalam skema ini, ia perlu diletakkan pada tempat dan tarafnya yang wajar berdasarkan kefahaman yang tepat mengenai kedudukan kebendaan di dalam keseluruhan skema kehidupan manusia. Tamsil yang diungkapkan oleh Habib Abd al-Rahman al-'Azami (t. th.) sewaktu memberikan Kata Pengantar kepada kitab *al-Zuhd* tulisan 'Abd Allah bin al-Mubarak adalah bermanfaat diberikan perhatian dalam hubungan ini. al-'Azami menggambarkan hal ini dengan merujuk kepada seorang yang mempunyai matlamat untuk menunaikan fardu haji ke Makkah bersama kafilahnya dengan menggunakan unta sebagai tunggangan. Beliau mengatakan unta itu perlulah dipenuhi keperluan-keperluan jasmaninya untuk membolehkan ia hidup dan sihat agar ia dapat melaksanakan fungsinya sebagai tunggangan. Namun kalau orang berkenaan leka dan bersibuk sepenuh masa dengan hanya memberi makan dan minum unta dan menukar perhiasan unta untuk semata-mata kelihatan cantik, tentu sekali dia akan ditinggalkan sendirian oleh kafilahnya, lalu menjadi terdedah kepada bahaya dibaham binatang buas, dan dengan itu matlamat asalnya untuk menunaikan fardu haji di Makkah tidak akan tercapai.

Tamsil di atas memberikan gambaran betapa manusia perlu bersikap adil terhadap persekitaran dirinya dengan meletakkan segalanya di tempat yang sesuai bagi menjamin kejayaan dan kecermerlangan hidup di dunia dan akhirat. Ini adalah kerana di dalam perspektif Islam, menikmati kebendaan untuk kepentingan kerohanian, adalah tidak pernah terlarang. Adapun yang dilarang, ialah merujuk kepada sikap memberikan tumpuan kepada kebendaan semata-mata; sikap bermati-matian di dalam kebendaan, sikap percaya kepada kebendaan sahaja dan menolak segala nilai-nilai luhur yang lain (al-Bahi 1979). Sikap serta pendirian seperti inilah yang terangkum dalam fahaman dan

doktrin materialisme yang ditawarkan oleh tamadun kebendaan Barat semasa.

Secara keseluruhannya dapat dirumuskan bahawa komponen kerohanian yang dimiliki oleh makhluk manusia itu adalah amat penting dalam menetukan takdir mereka di dunia dan di akhirat. Ia merupakan jati diri dan paksi utama kehidupan manusia. Dengan wujudnya komponen ini jugalah manusia *ditaklifkan* dengan pelbagai tanggungjawab yang akan dipersoalkan oleh Allah SWT. Menerusi kewujudan komponen ini juga manusia menjadi lebih hebat dan lebih unggul daripada seluruh makhluk-makhluk ciptaan Allah SWT yang lain. Namun perlu dicatatkan bahawa untuk membolehkan komponen kerohanian itu menjadi unggul dan hebat ia mestilah dibangunkan seutuhnya mengikut lunas-lunas yang ditentukan oleh Allah SWT dalam syariat yang diperuntukkan kepada manusia. Dan dalam keseluruhan kerangka ini perlulah disebut bahawa komponen kebendaan atau *material* dalam kewujudan manusia itu adalah tidak lebih daripada alat yang perlu dipergunakan dalam proses pembangunan komponen kerohanian atau aspek *non-material* diri manusia tersebut.

Justeru, komponen kebendaan tersebut juga penting dijaga dan diberikan hak dan kepuasannya bagi membolehkan ia berada dalam keadaan sejahtera dan sentiasa wajar dan baik untuk diguna pakai. Dan sesungguhnya satu fakta yang amat penting dalam hubungan dengan wacana ini ialah ilmu Tasawuf merupakan alat untuk memperkuatkan aspek non material diri manusia yang mendefinisikan kesejahteraan dan kehebatan diri manusia tersebut.

Dalam konteks ini, perlu juga dirumus dan dipertegas bahawa unsur kerohanian yang mendefini dan memberikan ciri kehebatan, keunggulan dan kejayaan makhluk manusia itu akan hanya boleh menyumbangkan peranan setepatnya apabila ia dikembang dan dididik sepenuhnya menurut aturcara kehidupan kerohanian yang disediakan oleh sumber autentik daripada pencipta roh itu sendiri, iaitu Allah SWT. Kalau hal ini diabaikan, manusia akan terus tenggelam dalam ketidaktentuan dan kecelaruan hasil daripada tipu daya Iblis. Makhluk manusia tidak akan pernah berkesudahan selama dunia masih belum kiamat.

## RUJUKAN

- Al-Qur'an al-Karim. 2000. Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Qur'an: 30 Juzuk. Terj. Dan Ulasan Oleh Shaykh 'Abdullah b. Muhammad Basmih. Kuala Lumpur: Darul Fikir.
- al-'Azami, Habib 'Abd al-Rahman. t. th. Muqadimah kpd Kitab al-Zuhd. Oleh 'Abd Allah al-Mubarak. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah
- al-Bahi, Muhammad. 1979. Islam Diliputi Awan Mendung. Terj Yusoff Zaki Yacob. Kota Bharu: Pustaka. Dian Sdn. Bhd
- al-Ghazali, Abu Hamid. t. th. Ihya' 'Ulum al-Din. 6 Jil. Beirut: Dar al-Misriyyah al-Lubnaniyyah.
- .al-Junayd, Abu al-Qasim. 1988. Rasa'il al-Junayd. Ed. 'Ali Hasan 'Abd al-Qadir. al-Qahirah: Bar'i Wajdayi



# KISBAH KENDIRI MENYINGKAP INTEGRITI



*Faizatul Herda binti Mohd Azaman  
Penolong Pengarah Kanan  
Bahagian Dasar Kemajuan Islam, JAKIM*

Pagi nirmala dengan tumpahan sinar suria menyilau bak pantulan menguning cahaya cincin belah rotan bersepuh emas. Duduk beradab menghadap Sang Guru menekuni ilmu tasawuf. Kelihatan Putera Mahkota Iskandar Muda sedang menadah kitab di hadapan Syeikh Nuruddin Ar-Raniri.

"Anakanda Putera Mahkota, musyaratah atau perjanjian hati bermaksud membuat persyaratan melalui ikatan hati atau perjanjian dengan diri dalam hati. Ajaibnya Allah ciptakan hati sebagai pusat ingatan dan pemahaman. Hebatnya Allah menjadikan sekeping hati mampu berinteraksi dengan akal untuk meraih kesejahteraan dan kemakmuran melalui kecerdasan intelektual, emosi, moral, spiritual dan agama yang dinamakan sebagai perilaku kalbu."

"Ringkasnya, musyaratah ialah peringkat individu menentukan azam dan matlamat yang ingin dicapai secara peribadi oleh dirinya." Putera Mahkota Iskandar Muda mengangguk-angguk faham.

"Perilaku kalbu berbeza mengikut niat dan motivasi yang dimiliki oleh seseorang dalam melakukan kebaikan dan menjauhi kemungkaran demi ketakwaan kepada Allah." Syeikh Nuruddin Ar-Raniri menegaskan bicaranya.

"Anakanda Putera Mahkota, perilaku kalbu dikenali juga sebagai 'kecerdasan qalbiyah' yang berpaksikan sifat rendah hati kepada Allah, zuhud, warak, mengharapkan kebaikan, mengaplikasikan ilmu pengetahuan untuk kebaikan, berwaspada dengan tingkah laku, ikhlas, istiqamah, tawakal, sabar,

reda, syukur, malu, jujur, mendahului kepentingan orang lain, tawaduk, amar makruf dan nahi mungkar, menerima seadanya dan bertakwa kepada Allah. Justeru, prinsip musyaratah ini menyamai dengan integriti." Lanjut Sang Guru.

"Integriti?" Soal Putera Mahkota Iskandar Muda teruja.

"Kamu akan menyelaminya saat berguru dengan Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Sultan dalam pengajian Tatakelola Pentadbiran dan Pemerintahan nanti." Sang guru bersuara parau.

Putera Mahkota Iskandar Muda tertunduk menekur lantai, matanya tidak berani menyeluruh wajah Sang Guru yang alim. Rasa hormatnya dituang dengan penuh adab sebagai murid walaupun sukmanya bergelora dengan rasa ingin tahu.

Paduka Putera mahkota kembali ke kamar, meneliti jadual bersama ayahanda paling dekat selepas Asar. Ada lawatan tidak rasmi ke Leupung. 'Ah, asal melintang jadi peluang.' Getus hati Putera Mahkota Iskandar Muda.

Lawatan ini tidak perlu berbusana kebesaran, hanya pakaian preman. Menunggang kuda baka Parsi untuk meninjau kehidupan rakyat dengan dekat. Ini rutin kegemaran Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Sultan. Bertugas di lapangan memberi kepuasan kepada baginda. Bantuan disampaikan kepada rakyat tanpa perlu melalui karenah birokrasi. "Anakanda Putera, integriti adalah bagaimana kita percaya kepada diri kita." Ayahanda Sultan menelan liur sebelum meneruskan kalamnya. Paduka



Sultan menyentap perlahan kendali kudanya bernama Luhaiif. Ia tegak berjalan menepi di gigi pantai. Ombak menderu dan berpapasan. Sesekali menghempas pantai, berbusa halus. Laut membiru di kaki langit, pawana petang berpuput lembut.

Paduka Putera Mahkota sedikit tergegau. Tali kendali kudanya si Sabhah direntap. Pucuk dicita, ulam mendatang. Seperti ayahanda Sultan sudah menebak hatinya yang rawan ingin tahu.

"Untuk menentukan mana yang lebih utama, kamu mesti percaya kepada dirimu. Kamu perlu ada tabungan integriti. Tabung integriti ini bersifat turun naik, kalau dalam Islam ia adalah iman. Untuk menjadikan kamu pemilik tabung integriti yang baik hendaklah kamu berjanji dengan diri kamu kepada perkara-perkara kecil dan kamu berusaha tunaikan." Ujar Baginda Sultan yang sesekali mengelih Paduka Putera Mahkota yang beriringan menunggang kuda perang kesayangannya.

"Berjanji dengan perkara kecil?" Kening Putera Mahkota dikerutkan.

"Ya, anakanda mulakan dengan perkara kecil. Untuk menabung integriti contohnya kita berazam setiap kali berjumpa orang kita akan beri salam. Esoknya kita laksanakan apa yang kita janji dan azamkan. Secara automatik tabung integriti tersebut naik. Maknanya kita mula mempercayai diri kita. Kita janji dan kita buat, hasilnya kita percaya dengan diri kita. Sebab itu apabila kita meletakkan prioriti tugas dengan tabungan integriti yang cukup, kita boleh melaksanakan prioriti kerana tabungan integriti telah

cukup. Ia adalah keadaan yang berlaku tanpa sedar." Ujar Paduka Sultan.

"Kalau begitu ayahanda, apabila kita melihat orang berjanji kemudian dia mungkiri dan tidak melaksanakannya, bermakna dia tidak ada tabungan integriti yang cukup, kan?" Putera Mahkota cuba mencerna dan menganalisis prinsip musyratih dalam integriti.

"Bijak, pastikan anakanda jangan berjanji yang besar-besar dengan diri sendiri, mulakan dengan janji yang kecil dulu. Alah bisa tegal biasa. Latih diri janji pada diri, laksana, janji kemudian laksana lagi barulah kita boleh ikuti dengan latihan janji yang besar untuk kita laksanakan pula. Kita akan lebih berkeyakinan. Ada orang sangat yakin dengan dirinya kerana integritinya cukup. Biasakan berjanji dengan diri hal-hal kecil. Kesannya kita akan rasa yakin untuk letakkan keutamaan selepas itu." Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Sultan menutup bicaranya.

Putera Mahkota Iskandar Muda tersenyum puas setelah mendapat penjelasan yang tuntas daripada ayahandanya.

**إِنَّ اللَّهَ عَزَّ وَجَلَّ يُحِبُّ إِذَا عَمِلَ أَحَدُكُمْ عَمَلاً أَنْ يُفْعِلَهُ<sup>1</sup>**

Maksudnya: "Sesungguhnya Allah SWT mencintai seseorang yang apabila dia mengerjakan sesuatu pekerjaan, dia melakukan dengan itqan (bersungguh-sungguh)."

# Sabar Dan Syukur: Dua Sayap Kehidupan Mukmin



Majidah binti Mat Jusoh  
Penolong Pengarah Kanan  
Bahagian Dasar Kemajuan Islam, JAKIM

Hakikat kehidupan ini, setiap manusia pasti akan dihadapkan dengan ujian dan nikmat yang silih berganti. Sememangnya manusia itu dijadikan untuk diuji, sebagaimana yang Allah SWT janjikan dalam ayat 2 surah al-Ankabut, "Patutkah manusia menyangka bahawa mereka akan dibiarkan dengan hanya berkata: 'Kami beriman', sedangkan mereka tidak diuji (dengan sesuatu cubaan)?" Sesungguhnya, Allah SWT tidak akan membiarkan manusia tanpa ujian kerana Dia tidak pernah berhenti mengasihi dan menyayangi hamba-Nya.

Dalam menyingkapi ujian, sabar dan syukur merupakan dua konsep penting dalam Islam yang boleh dijadikan amalan hidup yang efektif. Kedua-dua konsep ini ibarat dua sayap yang mengangkat kehidupan seorang mukmin dalam mencari ketenangan jiwa dan kebahagiaan hidup. Maksud sabar dalam Kamus Besar Bahasa Indonesia adalah "Tahan menghadapi cobaan (tidak lekas marah, tidak lekas putus asa, tidak lekas patah hati), tenang, tidak tergesa-gesa dan tidak terburu nafsu."

Namun, sabar bukanlah sekadar menahan diri daripada perasaan marah atau kekecewaan semata-mata, tetapi juga kemampuan untuk tetap istiqamah dan tenang dalam mengharungi segala yang mendarat. Hal ini bererti, kita tidak tergesa-gesa dalam membuat keputusan, tidak mudah putus asa, dan tetap teguh dalam keyakinan bahawa segala sesuatu yang terjadi adalah ketetapan Allah SWT yang terbaik untuk kita.

Bertepatan dengan itu, indikator sabar dalam erti kata sebenar yang dinukilkan dalam Kitab Hidayah al-Salikin, **bermula dengan menahan diri daripada**

**memarahi sesuatu yang tidak disukai dan menahan lidah daripada mengadu kepada selain daripada Allah SWT.** Manakala menurut Imam al-Ghazali, "hakikat sabar merupakan kesungguhan seseorang hamba dalam menahan diri daripada terpengaruh dengan hawa nafsu, dengan memperbaiki akhlak buruk supaya terbentuk akhlak mulia" (Salleh et.al, 2022).

Namun, sabar dalam menghadapi ujian itu bukanlah juga bermaksud menunggu, bertahan dan berdiam diri tanpa melakukan apa-apa. Sebaliknya sabar yang sebenar adalah dengan merenung dan mencari solusi terbaik untuk menghadapinya. Dalam memahami dan mengaplikasikan konsep sabar, Imam al-Ghazali juga membahagikannya kepada tiga kondisi iaitu sabar dalam mematuhi perintah Allah, sabar dalam menjauhi dan meninggalkan larangan Allah dan sabar dalam menghadapi kesulitan serta penderitaan yang dialami.

Jelaslah bahawa sabar itu merupakan satu sayap penting dalam menjalani kehidupan yang tidak lekang daripada mehnah dan tribulasi ini. Namun begitu, menurut Syeikh Abdus Shamad Al-Falimbani dalam kitabnya *Hidayah al-Salikin Fi Suluki Maslaki al-Muttaqin*, terdapat tiga martabat kesabaran seorang manusia; pertama, tahap sabar orang awam, iaitu seseorang yang menahan segala kesusahan dan kesakitannya kerana yakin dengan ganjaran pahala daripada Allah SWT dan menjauhi maksiat kerana takutkan seksa-Nya. Kedua, sabar orang yang muridin, yang mana hati mereka merasa ringan dengan segala kesusahan dan kesakitinan yang dihadapi. Mereka melihat setiap ujian itu dengan mata hati tanpa mengharapkan ganjaran

pahala semata-mata. Ketiga, sabar para zahidin dan salikin, iaitu mereka yang meyakini segala ujian yang ditimpakan kepada mereka telah tertulis sejak azali dan reda dengan segala ketentuan yang telah ditentukan untuk mereka.

Tidak dinafikan, mengungkapkan kata “Sabar” memang mudah, tetapi hakikatnya sukar untuk dilaksanakan. Oleh sebab itulah Allah SWT berjanji dalam surah al-Baqarah ayat 153, untuk bersama-sama dengan orang yang sabar, “Wahai sekalian orang-orang yang beriman! Mintalah pertolongan (untuk menghadapi susah payah dalam menyempurnakan sesuatu perintah Tuhan) dengan bersabar dan dengan (mengerjakan) sembahyang; kerana sesungguhnya Allah menyertai (menolong) orang-orang yang sabar.”

Dalam hal ini, Imam Al-Ghazali melalui kitab *Ihya' Ulumuddin* memberikan dua cara sebagai panduan untuk berusaha mendapatkan sabar dalam kehidupan. Pertama, mendorong jiwa untuk bersungguh-sungguh mengejar ganjaran faedah dalam membuat kebaikan dan tentunya kesungguhan ini perlu disertai dengan melawan hawa nafsu untuk mendapat keredaan Allah SWT. Kedua, melawan hawa nafsu dengan bermati-matian sama ada secara beransur-ansur atau sekali gus dengan cara menghindarkan diri daripada punca yang mempengaruhi hawa nafsu.

Sehubungan itu, manifestasi tertinggi sebuah kesabaran adalah syukur. Setelah kita mengharungi ujian dengan penuh ketabahan dan ketahanan, perasaan syukur yang tulus muncul sebagai pengakuan bahawa segala yang telah dilalui adalah ketetapan yang terbaik daripada Allah SWT. Syukur bukan hanya menjelma ketika mendapat nikmat, tetapi juga ketika menyedari hikmah di sebalik ujian. Ketika kita bersyukur setelah melalui ujian, itu menunjukkan bahawa kita tidak hanya sabar dalam menghadapinya, tetapi mampu melihat kebesaran Allah SWT dalam setiap kejadian yang menimpa.

Syukur juga merupakan kemuncak rasa terima kasih dan penghargaan atas segala nikmat dan kebaikan yang diberikan oleh Allah SWT. Tetapi syukur bukan hanya sekadar ucapan terima kasih, bahkan juga melibatkan tindakan dalam menggunakan nikmat tersebut sesuai dengan kehendak Allah SWT, "...Demi sesungguhnya! jika kamu bersyukur, nescaya Aku akan tambahi nikmat-Ku kepada kamu, dan demi sesungguhnya jika kamu kufur ingkar, sesungguhnya azab-Ku sangat keras." (Ibrahim, 14:7).

Wadah untuk menzahirkan rasa syukur itu luas, termasuklah dengan cara berbagi rezeki sesama keluarga dan masyarakat, melakukan amal kebaikan, serta menjaga nikmat agar tidak digunakan untuk

tujuan yang merugikan. Syukur yang tulus mampu membawa impak positif kepada jiwa dalam memperkuatkan hubungan dengan Allah SWT dan meningkatkan rasa kebahagiaan serta kepuasan dalam hidup. Melalui rasa syukur juga membuatkan kita menjadi lebih peka terhadap segala nikmat yang diberikan, baik yang besar maupun kecil, dan lebih bersedia untuk menerima dan memanfaatkan setiap kurniaan Allah SWT.

Oleh itu, sabar dan syukur harus diintegrasikan dalam setiap aspek kehidupan. Kedua-duanya saling melengkapi dan memperkuatkan antara satu sama lain. Dalam menghadapi kesulitan, sabar memungkinkan kita untuk tetap teguh, sementara syukur membolehkan kita untuk melihat nikmat di sebalik setiap ujian dan kesulitan. Sebaliknya, dalam menikmati nikmat, syukur memberikan makna dan tujuan, sedangkan sabar memberikan ketahanan untuk menghadapi segala kemungkinan yang bakal menjelma. Perjalanan hidup yang diharungi dengan sabar dan syukur menjadikan setiap langkah menuju kebahagiaan menghasilkan natijah perjalanan spiritual yang bermakna.

Kesimpulannya, sabar adalah cara untuk kita menyelaraskan hati dengan takdir yang telah ditentukan oleh Allah SWT. Sabar dan syukur juga bukan hanya menjadi prinsip-prinsip yang dipegang teguh, tetapi merupakan cara hidup yang mengarahkan seorang insan untuk mencapai keseimbangan dan kebahagiaan sejati dalam kehidupan dunia dan akhirat. Seperti dua sayap yang mengangkat burung terbang tinggi, sabar dan syukur membawa kita menuju kehidupan yang lebih baik dan penuh makna.



# MENYELAMI TONGGAK KEPADA INTEGRITI MENURUT ISLAM



**Dr. Mohd Zamir bin Bahall**  
Penolong Pengarah Kanan  
Bahagian Penyelidikan, JAKIM

Percakaraan berkaitan integriti lazimnya dikaitkan dengan prestasi kerja, pencapaian, kecemerlangan dan kejayaan. Tanpa integriti pula, sering dijadikan punca utama kepada ketirisan, kegagalan, kejatuhan dan kemusnahan. Justeru, integriti selalunya diangkat menjadi topik atau fokus utama kepada jaminan kejayaan sesuatu agenda, kelestarian, tatakelola dan kelangsungan kemandirian. Bagi maksud tersebut, pelbagai panduan, pedoman dan petua dikemukakan bagi merealisasikan integriti dalam kehidupan sama ada sebagai individu, organisasi, komuniti maupun negara. Ini kerana masing-masing amat meyakini bahawa integriti ialah tonggak kepada kecemerlangan dan kejayaan. Namun, pernahkah kita berfikir dan merenung sejenak, apakah pula tonggak kepada integriti?

Dari aspek etimologi, perkataan ‘integrity’ yang diserap ke dalam bahasa Melayu ini berasal daripada kalimah Latin ‘integer’ yang membawa maksud penuh (whole) dan utuh (intact). Daripada ‘integer’ ia berubah kepada ‘integritatem’ (Latin) dan kemudiannya ‘intégrité’ (French Lama). Ia akhirnya diserap ke dalam bahasa Inggeris sekitar 1400an sebagai ‘integrity’ iaitu kata nama yang membawa maksud tidak bersalah (innocence), dan suci bersih (chastity and purity). Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, integriti adalah merujuk kepada kejujuran, keutuhan dan ketulusan. Pada hemat penulis, integriti dalam konteks perbincangan ini memadai dengan maksud kejujuran.

Jika kita ikuti perbincangan integriti dalam Islam maka kerap kali ia dikaitkan atau sinonim dengan amanah. Di dalam al-Quran, Allah SWT menyifatkan antara sifat-sifat orang yang beriman ialah mereka menjalankan amanah dan menjaga janji. Firman Allah SWT dalam surah al-Mu’minun ayat 8:

وَالَّذِينَ هُمْ لِأَمَانَاتِهِمْ وَعَاهَدُوهُمْ رَاعُونَ

Maksudnya: Dan mereka yang menjaga amanah dan janjinya.

Orang yang amanah adalah nadi kekuatan kepada organisasi, komuniti, masyarakat dan negara. Lawan kepada sifat amanah ialah khianat. Dalam Islam, orang yang mengkhianati amanah yang diberi adalah disifatkan mempunyai ciri-ciri orang munafik. Rasulullah SAW bersabda:

آيَةُ الْمُنَافِقِ ثَلَاثٌ: إِذَا حَدَّثَ كَذَبَ، وَإِذَا وَعَدَ أَخْلَفَ، وَإِذَا اؤْتَمِنَ خَانَ

Maksudnya: Tanda-tanda orang munafik ada tiga, iaitu apabila berbicara dia dusta, apabila dia berjanji tidak ditepati dan apabila diberi amanah dia khianati.

(Riwayat al-Bukhari dan Muslim)



Khianat di sisi Islam adalah berdosa, dimurkai Allah SWT dan ditegah oleh Nabi Muhammad SAW. Malangnya kita pada hari ini ungkapan “Mengkhianati amanah yang diberikan” seolah-olah nampak ringan dan memadai dengan hukuman atau denda yang mahkamah jatuhkan. Sebaliknya apabila melibatkan kedaulatan negara maka seseorang yang digelar “pengkhianat negara” maka dikira telah melakukan satu jenayah yang amat besar dan tidak terampun. Sehingga banyak negara menjatuhkan hukuman mati kepada pengkhianat negara. Bagi Islam, sifat khianat tidak kira impaknya kecil atau besar maka ia tetap dilarang, haram dan berdosa.

Dalam sejarah, bukan sedikit empayar atau tamadun yang runtuh angkara pengkhianat. Sebagai contoh, kejatuhan Khilafah Uthmaniyyah sehingga tersingkirnya Sultan Abdul Hamid II menyaksikan pengkhianat adalah terdiri daripada orang-orang terdekat iaitu para pegawai dan menteri Uthmaniyyah sendiri. Dalam diari Sultan Abdul Hamid II, baginda menyuarakan kekesalan apabila satu demi satu kes terbongkar bahawa anggota kerajaannya menikmati sogokan daripada British.

Dalam membicarakan sikap tidak berintegriti, masyarakat lazimnya tertumpu kepada penyelewengan dana, tuntutan palsu dan rasuah. Kemungkinan besar ia contoh paling mudah atau kes paling banyak diketengahkan. Sedangkan hakikatnya, gejala tidak jujur dan tidak amanah (khianat) boleh berlaku dalam setiap peringkat yang merangkumi pelbagai bidang, profesion, usia, tempat mahupun masa. Ketidakjujuran boleh berlaku seawal usia muda melalui gejala bercakap bohong dan ponteng sekolah. Tidak amanah juga boleh berlaku pada peringkat jawatan terendah melalui sikap curi tulang dan ‘duit kopit’ (rasuah). Pastinya juga boleh berlaku pada jawatan tertinggi melalui gejala salah guna kuasa atau penyelewengan dana awam. Begitulah seterusnya sehingga adakalanya menular ke bidang yang di luar jangkaan kita seperti pendidikan, kedoktoran, kepolisian dan pertahanan negara.

Fenomena ini menyedarkan kita betapa pentingnya integriti dalam kehidupan. Betapa besarnya kepentingan integriti sehingga meletakkan ia sebagai faktor utama atau tonggak kejayaan dan kecemerlangan. Namun, persoalan atau keutamaan yang lebih penting, pada hemat penulis, adalah mengenali, memupuk dan menghayati tonggak kepada sikap integriti itu sendiri. Dalam konteks Islam dan perbincangan ini, integriti lebih dekat dengan maksud amanah.

Dalam Islam, amanah (integriti) adalah ciri yang wajib ada pada setiap individu muslim lelaki atau perempuan, pemimpin atau pekerja, golongan atasan ataupun bawahan. Al-Quran memberi panduan kepada kita bahawa dalam memilih pekerja atau pelaksana tugas maka elemen amanah mesti diutamakan. Mesej ini dapat dilihat menerusi firman Allah SWT dalam surah al-Qasas ayat 25 dan 26 berkenaan perihal kisah Nabi Musa AS:

فَجَاءَتُهُ إِحْدَاهُمَا تَمَشِي عَلَى أَسْتِحْيَاءٍ قَالَتْ إِنَّ أَيِّ يَدْعُوكَ لِيَجْزِيَكَ أَجْرًا مَا سَقَيْتَ لَنَا فَلَمَّا جَاءَهُ  
وَقَصَّ عَلَيْهِ الْقَصَصَ قَالَ لَا تَخْفَ نَجْوَتْ مِنَ الْقَوْمِ الظَّالِمِينَ قَالَتْ إِحْدَاهُمَا يَا أَبَتْ أَسْتَجِرْهُ إِنَّ حَيْرَ  
مِنْ أَسْتَجَرْتَ الْقَوِيُّ الْأَمِينُ

Maksudnya: Kemudian salah seorang daripada perempuan dua beradik itu datang mendapatkannya dengan berjalan dalam keadaan tersipu-sipu sambil berkata: "Sebenarnya bapaku menjemputmu untuk membalias budimu memberi minum binatang ternak kami". Maka ketika Musa datang mendapatkannya dan menceritakan kepadanya kisah-kisah kejadian yang berlaku (mengenai dirinya) berkatalah orang tua itu kepadanya: "Janganlah engkau bimbang, engkau telah selamat daripada kaum yang zalim itu ". Salah seorang antara perempuan yang berdua itu berkata: "Wahai ayah, ambilah dia menjadi orang upahan (mengembala kambing kita), sesungguhnya sebaik- baik orang yang ayah ambil bekerja ialah orang yang kuat, lagi amanah".

Melalui kisah ini, al-Quran memberitahu kita bahawa dua ciri terpenting bagi mengambil pekerja atau melantik kakitangan adalah kekuatan dan amanah (integriti). Dalam konteks kehidupan hari ini, kekuatan boleh dihuraikan sebagai mempunyai keupayaan, kesihatan, kebolehan, bakat, skil, semangat dan seumpamanya. Manakala amanah lebih bersifat boleh dipercayai, kesetiaan, kejujuran dan keutuhan peribadi.

Selain itu, al-Quran juga memberi panduan ciri terpenting yang mesti ada pada seseorang sebelum layak diangkat atau dilantik sebagai pemimpin, ketua atau peneraju. Dalam kisah Nabi Yusuf AS, al-Quran memberi mesej prasyarat bagi pemegang jawatan penting atau tertinggi sebagaimana disebut dalam surah Yusuf ayat 55:

قَالَ أَجْعَلْنِي عَلَى خَزَائِنِ الْأَرْضِ إِنِّي حَفِظٌ عَلَيْمٌ

Maksudnya: Yusuf berkata: "Jadikanlah aku pengurus perbendaharaan hasil bumi (Mesir); sesungguhnya aku sedia menjaganya dengan sebaik-baiknya, lagi mengetahui cara mentadbirkannya".

Ayat ini menjadi pedoman dan panduan kita bahawa seseorang yang hendak dilantik atau diberi sesuatu jawatan tertinggi mesti memiliki dua ciri iaitu boleh dipercayai (berintegriti) dan berilmu. Dengan kata lain, seseorang bakal pemimpin mestilah seorang yang diyakini kejururannya, tinggi komitmen, dan kesetiaan yang tidak berbelah bahagi serta mempunyai keilmuan dan kebijaksanaan. Kesimpulannya, kedua-dua pihak, sama ada pemimpin atau yang dipimpin, ketua atau pekerja, dan peneraju atau petugas, adalah sama-sama mesti berintegriti. Dari aspek ajaran Islam, mestilah seorang yang amanah dalam menjalankan tugas. Bahkan salah satu sifat wajib bagi seorang Nabi atau Rasul ialah amanah. Demikianlah perihal penting elemen amanah dalam memastikan kejayaan atau kecemerlangan sesuatu pekerjaan.

Setelah kita mengetahui kepentingan amanah maka bagaimana mewujudkan sifat tersebut dan apakah yang menjamin keberadaan amanah sehingga terpahat kuat dalam diri seseorang? Bagi menjawab persoalan tersebut maka kita perlu tahu, apakah tonggak kepada amanah? Jawapannya ialah keikhlasan yang tulus kepada Allah SWT. Dengan kata lain, sifat amanah akan lahir, terbentuk, terdidik dan terpahat kuat dalam diri apabila sesuatu itu dibuat semata-mata kerana Allah SWT dan bukan mencari reda manusia, menunjuk-nunjuk, mendapat habuan dunia, mendapat pujian, menagih simpati dan seumpamanya.

Sungguhpun demikian, ikhlas menjalankan tugas kerana Allah SWT bukanlah bermaksud melakukan sesuatu secara percuma dan tanpa bayaran. Ini kerana melakukan pekerjaan yang dibayar upah atau gaji adalah termasuk dalam suruhan Allah SWT supaya mencari rezeki yang telah Allah SWT sediakan. Firman Allah SWT dalam surah al-Jumu'ah ayat 10:

## فَإِذَا قُضِيَتِ الْأَصْلَوَةُ فَانْتَشِرُوا فِي الْأَرْضِ وَابْتَغُوا مِنْ فَضْلِ اللَّهِ وَادْكُرُوا اللَّهَ كَثِيرًا لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ

Maksudnya: Kemudian setelah selesai sembahyang, maka bertebaranlah kamu di muka bumi (untuk menjalankan urusan masing-masing), dan carilah apa yang kamu hajati daripada limpah kurnia Allah serta ingatlah akan Allah banyak-banyak (dalam segala keadaan) supaya kamu berjaya (di dunia dan di akhirat).

Memperoleh upah dan gaji adalah hak yang dibenarkan oleh syarak selagi tugas dijalankan dengan sebaik-baiknya tanpa melanggar sebarang suruhan dan larangan Allah SWT. Dengan lain perkataan, orang beriman akan menjalankan tugas dengan penuh amanah dalam bentuk kerja yang sempurna, cekap, berkualiti dan tiada ketirisan. Mutu kerja yang dilakukan adalah penuh istiqamah, iltizam dan tulus sama ada dilihat orang atau tidak, sama ada ketika bersendirian atau di khalayak ramai. Prestasinya tetap tinggi, komitmennya konsisten dan ketulusannya tidak dipertikaikan. Inilah hasilnya apabila keikhlasan menjadi tonggak kepada amanah atau integriti.

Timbul persoalan, apakah orang yang ikhlas pasti berintegriti? Jawapannya, ya sebab orang yang ikhlas adalah terjamin daripada diperdayakan oleh syaitan dan hasutan hawa nafsu. Al-Quran menjelaskan perkara ini dalam dialog antara iblis dengan Allah SWT melalui ayat 39 dan 40 surah al-Hijr:

**قَالَ رَبِّ بِمَا أَعْوَيْتَنِي لَأُزِيَّنَ لَهُمْ فِي الْأَرْضِ وَلَا غُوَيْتُهُمْ أَجْمَعِينَ إِلَّا عِبَادَكَ مِنْهُمُ الْمُحْلِصِينَ**

Maksudnya: Iblis berkata: "Wahai Tuhanku! Kerana Engkau telah menjadikan aku sesat, (maka) demi sesungguhnya aku akan memperelokkan segala jenis maksiat kepada Adam dan zuriatnya di dunia ini, dan aku akan menyesatkan mereka semuanya, Kecuali antara zuriat-zuriat Adam itu hamba-hambaMu yang dibersihkan daripada sebarang syirik (ikhlas)".

Bolehkah keikhlasan dibentuk dan dilatih agar sifat amanah atau integriti tercapai dan direalisasikan? Jawapannya boleh berpandukan firman Allah SWT dalam surah al-Insaan ayat 8 dan 9:

**وَيُطْعِمُونَ الظَّعَامَ عَلَى حِلْبَهِ مِسْكِينًا وَيَتِيمًا وَأَسِيرًا إِنَّمَا نُطْعِمُكُمْ لِوَجْهِ اللَّهِ لَا نُرِيدُ مِنْكُمْ جَزَاءً وَلَا شُكُورًا**

Maksudnya: Mereka juga memberi makan benda-benda makanan yang dihajati dan disukainya, kepada orang miskin dan anak yatim serta orang tawanan, (sambil berkata dengan lidah atau dengan hati): "Sesungguhnya kami memberi makan kepada kamu kerana Allah semata-mata; kami tidak berkehendakkan sebarang balasan daripada kamu atau ucapan terima kasih."

Pedoman yang dapat diambil daripada ayat ini adalah lakukanlah sesuatu perkara atau pekerjaan dengan tulus ikhlas kepada Allah SWT tanpa mengharap sebarang balasan daripada pihak yang menerima manfaatnya, malahan tidak mengharapkan langsung ucapan terima kasih atau sebarang bentuk penghargaan. Apabila sikap sebegini diamalkan dan dijadikan budaya maka pastinya keikhlasan akan muncul dan sebatи dalam jiwa seterusnya menjadi kebiasaan. Pada saat itu, akan terzahir sifat amanah atau integriti yang unggul yang tidak mampu diganggu gugat oleh sebarang godaan dunia. Malahan terpelihara daripada tipu daya syaitan yang mengaku lemah dan gagal berhadapan dengan orang yang ikhlas. Ikhlaskanlah diri dan didiklah diri melakukan sesuatu tugas demi hanya kerana Allah SWT. Ini kerana keikhlasan adalah tonggak kepada integriti dan tanpa keintegriti kita tidak akan mencapai sebarang kemajuan, kejayaan dan kecemerlangan.





بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ  
BERKATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

## NILAI DIPELIHARA, PRODUKTIVITI DIPERKASA

16 OGOS 2024 / 11 SAFAR 1446H

الْحَمْدُ لِلّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ : الْقَائِلِ :

أَعُوذُ بِاللّٰهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

قَالَتْ إِحْدَاهُمَا يَا أَبَتِ اسْتَأْجِرْهُ إِنَّ خَيْرَ مَنِ اسْتَأْجَرْتَ الْقَوِيُّ الْأَمِينُ ⑥

(سورة القصص)

أَشْهَدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللّٰهُمَّ صَلِّ  
وَسِّلِّمْ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَاهُ بِدَعْوَتِهِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ  
اللّٰهِ، اتَّقُوا اللّٰهَ، أُوصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللّٰهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

### SIDANG JEMAAH YANG DIKASIHI SEKALIAN,

Bertakwalah kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Perbanyakkan berselawat ke atas Nabi Muhammad SAW. Mudah-mudahan kehidupan kita sentiasa dalam rahmat Allah SWT. Berikan sepenuh perhatian kepada khutbah yang akan disampaikan dan janganlah melakukan perkara-perkara yang *lagha* seperti berbual-bual dan bermain telefon bimbit. Mudah-mudahan khutbah ini akan memberi banyak pengajaran kepada kita semua.

Pada hari ini saya akan membicarakan khutbah bertajuk: “Nilai Dipelihara, Produktiviti Diperkasa”.

Sebelum itu juga, saya ingin menyeru kepada semua untuk terus mendoakan keselamatan dan perlindungan kepada penduduk Palestin yang berterusan ditindas oleh

rejim zionis Israel *laknatullahi 'alaihim*. Sesungguhnya hanya Allah SWT juga yang Maha Berkasa memberi pertolongan kepada mereka. Maka panjatkanlah sebenar-benar doa kepada-Nya untuk membantu dan membebaskan penduduk Palestin dari segala bentuk kesengsaraan dan penindasan yang sedang dialami. Hanya kepada Allah SWT juga kita berserah dan memohon pertolongan.

### SIDANG JEMAAH YANG DIKASIHI SEKALIAN,

Nilai merupakan asas kepada sesuatu tindakan dan pegangan yang menjadi dasar dalam pembentukan sesuatu sikap dalam kehidupan dan pekerjaan. Ajaran Islam sangat menekankan kepada falsafah nilai kepada insan kerana ia mencerminkan keperibadian seseorang Muslim. Hakikatnya, pembinaan sahsiah individu Muslim tidak akan berjaya tanpa diikat dengan nilai-nilai murni yang luhur. Termasuk juga dalam usaha pembentukan masyarakat yang bertamadun, turut dipengaruhi oleh nilai-nilai murni yang menjadi acuan kepada keberhasilannya.

Ajaran Islam sangat mengambil berat tentang nilai-nilai murni terutamanya dalam berinteraksi sesama manusia. Islam memiliki takrifannya tersendiri berkaitan nilai yang merujuk kepada ukuran piawaian kepada manusia untuk menilai sama ada sesuatu perkara, perbuatan atau perkataan itu baik, bermanfaat, mudarat atau tercela. Penilaian-penilaian ini sudah tentunya disaring dan dipandu oleh al-Quran dan al-Sunnah Rasulullah SAW juga perbahasan-perbahasan panjang yang dibuat oleh sarjana Islam terdahulu. Islam juga melihat konsep nilai ini lebih jauh iaitu mengambil kira pertanggungjawaban bagi kita di akhirat kelak. Firman Allah SWT dalam Surah Ghafir ayat 17:

الْيَوْمَ تُجْزَى كُلُّ نَفْسٍ بِمَا كَسَبَتْ لَا ظُلْمَ الْيَوْمَ إِنَّ اللَّهَ سَرِيعُ الْحِسَابِ ﴿١﴾

**Maksudnya:** “Pada hari ini, tiap-tiap diri dibalas dengan apa-apa yang telah diusahakannya; tidak ada hukuman yang tidak adil pada hari ini. Sesungguhnya Allah amat cepat hitungan hisab-Nya”.

Manifestasi sistem nilai yang ditunjangi dengan panduan al-Quran dan al-Sunnah akan melahirkan insan-insan yang beriman, bertakwa, dan beradab. Oleh sebab itu, dipilih-Nya manusia disebagai khalifah bagi mentadbir urusan alam sesuai dengan kemuliaannya. Kemampuan akal yang dimiliki menjadi alat yang sangat penting kepada manusia dalam membuat sebarang pertimbangan antara baik dan buruk, memutuskan sesuatu

berdasarkan rasional dan bukan berpandukan emosi, serta mengenal antara jalan yang benar dan yang batil. Dengan itu, setiap langkah yang diambil akan terpandu kepada jalan yang mendekatkan diri kepada Allah Azza wa Jalla.

### **SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Dalam konteks kekeluargaan, nilai-nilai murni seharusnya menjadi asas penting yang diterapkan sejak dari kecil dan ia perlu konsisten dipertahankan dalam apa-apa jua keadaan. Para ibu bapa juga memainkan peranan yang sangat penting dalam memberi teladan yang baik sama ada melalui perkataan, perbuatan maupun tingkah-laku harian dalam usaha mencorakkan keperibadian anak-anak.

Dalam hal ini, Rasulullah SAW telah memberi penekanan tentang tujuan diutusnya sebagai Rasul, ialah pembentukan akhlak mulia dalam kalangan manusia. Sabda Rasulullah SAW:

إِنَّمَا بُعْثِتُ لِأَنِّي مَصَّالِحُ الْأَخْلَاقِ

**Maksudnya:** “Sesungguhnya aku hanyalah diutus untuk menyempurnakan akhlak”.  
**(Hadis riwayat Imam al-Bukhari)**

Oleh sebab itu, Rasulullah SAW sangat bijaksana dalam memberi perumpamaan anak-anak itu sebagai kain putih yang perlu dipelihara dan dicorakkan oleh para ibu bapa dengan sebaiknya. Maka pastinya tugas itu turut memerlukan kepada kekuatan spiritual, psikologi, jasmani dan kewangan lebih-lebih lagi tugas mendewasakan anak pada hari ini yang sangat mencabar. Maka tetaplah teguh dan sabar dalam mendidik anak-anak meniti usia dewasa. Semaikan budaya solat berjemaah, dan amalan-amalan lain yang berupaya membentuk peribadi mereka dengan nilai-nilai murni.

### **SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Dalam konteks pekerjaan pula, nilai-nilai murni ini akan menjadi pancang kepada pelaksanaan bagi setiap pekerjaan. Nilai-nilai seperti sikap berintegriti, prihatin, memiliki etika dan moral yang sangat tinggi, profesional, berfikiran kreatif dan kritis dan lain-lain lagi akan membantu para pekerja mentadbir setiap urusan dengan lebih baik dan berkesan. Ia turut akan menjana budaya kerja yang sejahtera seterusnya mampu memperkasa produktiviti dan penyampaian perkhidmatan.

Nilai-nilai positif yang dipegang ini bukan sahaja akan memberi kebaikan kepada individu pekerja itu sendiri, bahkan ia memberi impak yang sangat besar sama ada kepada tatakelola pentadbiran, juga kepada rakyat keseluruhannya. Oleh sebab itu, Rasulullah SAW turut menekankan betapa pentingnya seseorang itu beramanah dan memiliki komitmen yang tinggi dalam setiap pekerjaan yang dilakukan. Sabda Rasulullah SAW:

إِنَّ اللَّهَ عَزَّ وَجَلَّ يُحِبُّ إِذَا عَمِلَ أَحَدٌ كَمْ عَمَلَ أَنْ يُتَقِّنَهُ

**Maksudnya:** “Sesungguhnya Allah SWT mencintai seseorang yang apabila dia mengerjakan sesuatu pekerjaan, dia melakukan dengan *itqan* (bersungguh-sungguh)”.  
**(Hadis riwayat al-Tabarani)**

Maka, tidak dapat tidak, pembudayaan nilai murni dalam pekerjaan sama ada awam dan swasta mestilah dilestarikan dan diperkuuhkan melalui pemahaman dan pengamalan yang berterusan. Setiap lapisan pekerja sama ada pemimpin tertinggi mahupun di peringkat pelaksana memiliki peranan dan tanggungjawabnya tersendiri. Usahlah mengambil kesempatan atas jawatan dan tugas yang dimiliki. Tanamkan *muraqabah* (meyakini bahawa diri kita ini sentiasa dalam pengawasan Allah SWT) dan dengan itu kita akan lebih cermat dalam menunaikan amanah yang telah diberi. Ingatlah, bahawa setiap pekerjaan yang kita lakukan di dunia ini akan dihisab di akhirat kelak. Sesungguhnya Allah Maha Melihat lagi Maha Mengetahui.

Renungkanlah firman Allah SWT dalam Surah al-Mulk ayat 2:

الَّذِي خَلَقَ الْمَوْتَ وَالْحَيَاةَ لِيَبْلُوْكُمْ أَيُّكُمْ أَخْسَنُ عَمَلاً وَهُوَ الْعَزِيزُ الْغَفُورُ ﴿٥﴾

**Maksudnya:** “Dia lah yang telah mentakdirkan adanya mati dan hidup (kamu) - untuk menguji dan menzahirkan keadaan kamu: siapakah antara kamu yang lebih baik amalnya; dan Dia Maha Kuasa (membalas amal kamu), lagi Maha Pengampun, (bagi orang-orang yang bertaubat)”.

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفْعَنِي وَأَيَا كُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ،  
وَتَقْبِيلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تَلَاوَتِهِ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ。 أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي  
وَلَكُمْ وَلَسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءُ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،  
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ。

## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدِ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلَى أَهْلِ  
وَاصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ۔  
أَشْهَدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ۔  
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمْرَكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمْرَكُمْ  
بِالصَّلَاةِ وَالْتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلِكُتُهُ وَيُصَلِّونَ عَلَى  
النَّبِيِّ يَا يُهَمَّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلَوَأْ عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٦﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى أَلِّ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى أَلِّ  
سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى أَلِّ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا  
إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى أَلِّ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُحِيدٌ.

وَارْضُ اللَّهُمَّ عَنِ الْخَلْفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنِ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنِ التَّابِعِينَ وَتَابِعِيِّ  
الْتَّابِعِينَ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضُ عَنَّا مَعْهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.

اللَّهُمَّ أَيْدِي بِدَوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهِدَايَا وَالصَّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ جَلَالَةً مَلِكَنَا كِبَاوَهُ دُولِي يُعْ مَهَا  
مولِيا سري ڦدوك بکیندا يُعْ د- فرتوان انگو ڦلطان إبراهيم.

وَكَذَلِكَ كِبَاوَهُ دُولِي يُعْ مَهَا مولِيا سري ڦدوك بکیندا راج ڦرمایسوري انگو، راج  
زَارِيَثْ صُوفِيَاهُ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ عُلَمَاءَهُ وَوُزَراءَهُ وَقُضاةَهُ وَعَمَالَهُ وَرَعَايَاهُ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بِرَحْمَتِكَ  
يَا أَرَحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيْزِيَا آمِنَا مُطْمِئِنَّا، سَخَاءَ رَخَاءَ، دَارَ عَدْلٍ وَإِيمَانٍ، وَآمِنٍ وَآمَانٍ،  
وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ.

اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَانْصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ،  
وَأَخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ انصُرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِينَ وَالْمُجَاهِدِينَ وَالْمُسْتَضْعِفِينَ فِي فَلَسْطِينَ.

اللَّهُمَّ انصُرْ الْمُسْلِمِينَ الْمُسْتَضْعِفِينَ فِي كُلِّ مَكَانٍ. اللَّهُمَّ ارْحَمْ الْمُسْتَضْعِفِينَ مِنْ عِبَادِكَ.  
اللَّهُمَّ اكْشُفْ الْغَمَةَ عَنْ أَمْتَنَا. اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ أَنْ تَرْفَعَ الْبَلَاءَ عَنْ غَزَّةَ وَآهْلَهَا، وَأَنْ  
تَنْصُرَهُمْ عَلَى عَدُوِّهِمْ، وَأَنْ تَرْحَمَ الْمُسْتَضْعِفِينَ مِنْ عِبَادِكَ، وَأَنْ تَكْشِفَ الْغَمَةَ عَنْ  
أَمْتَنَا. اللَّهُمَّ عَافَنَا وَالْطُّفْ بَنَآ وَاحْفَظْنَا وَانْصُرْنَا وَفَرِجْ عَنَا وَالْمُسْلِمِينَ. اللَّهُمَّ اكْفِنَا  
وَآيَاهُمْ جَمِيعًا شَرَّ مَصَائِبِ الدُّنْيَا وَالدِّينِ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمُحْنَ وَالْفَتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا  
وَمَا بَطَنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بَلَدِنِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.  
اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجَنُونِ، وَالْجَذَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ، يَا أَرْحَمَ  
الرَّاحِمِينَ.

رَبَّنَا آتَانَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.  
عِبَادَ اللَّهِ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ  
يَعِظُّكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٦﴾

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعْمَهِ يَزِدُّكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ  
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

# Buku Bertemakan Syariah —



**JOM KENALI  
BUKU TERBITAN  
JAKIM**



## AL-FIQH AL-MANHAJI MAZHAB AL-SYAFIE JILID 1 HINGGA 5

Penulis: Ashab Al-Fadhillah Dr. Mustafa Al-Khin, Dr. Mustafa Al-Bugha & Ali Asy-Syarbaji

Buku ini adalah hasil terjemahan oleh Yang Berbahagia Dato' Seri Dr. Haji Zulkifli bin Mohamad Al-Bakri dan rakan-rakan dari karya asal yang bertajuk *Al-Fiqh Al-Manhaji 'Ala Mazhab Al-Imam As-Syafi'i*. Kitab-kitab ini menjelaskan tentang pernyataan fiqh berdasarkan kepada dalil naqli & aqli. Penulisan metodologi buku ini adalah sama pada setiap bab dan kitab. Hadith yang dikemukakan dinyatakan nombor hadith, bab bagi hadith tertentu dan turut disertakan takhrijnya. Selain itu, buku ini turut menerangkan ilmu berkaitan hadith, sejarah pensyariatan ibadah, pandangan fuqaha', sifat ibadah Rasulullah SAW, hukum-hukum dan hikmah pensyariatan ibadah. Seterusnya, penulis turut mengemukakan contoh-contoh yang bersifat hidup dan semasa, sesuai dengan realiti masa kini bagi memantapkan kefahaman pembacaan dan menyebut hikmah dan rahsia berkenaan hukum yang ditakrifkan oleh Allah SWT.

## FIQH MAZHAB ASY-SYAFIE YANG MU'TAMAD JILID 1 & 2

Penulis: Prof. Dr. Muhammad Al-Zuhaili

Kitab ini menggunakan tiga metode penulisan utama iaitu berpegang kepada *qaul rajih* dalam mazhab, menerangkan dalil syara' bagi hukum - hukum fiqh dalam mazhab asy-Syafie dan menyebutkan nama serta bilangan ayat al-Quran yang dinyatakan sekaligus mengeluarkan hadith-hadith dengan takhrij yang ringkas. Tujuan penulisan kitab ini adalah untuk menambah ilmu pengetahuan agar umat Islam dapat mengetahui hukum Allah SWT dengan lebih jelas melalui pengetahuan tentang dalil syara' daripada al-Quran, al-Sunnah dan Ijtihad.



## ISTILAH-ISTILAH FIQAH DAN USUL: EMPAT MAZHAB

Penulis: Dr. Zulkifli bin Mohamad al-Bakri

Umat Islam mempunyai keistimewaan dengan barisan cendekiawan dan tokoh ulama' yang tekun berkarya bagi menggali pelbagai jenis ilmu sejak permulaan kurun lagi. Hal ini berkembang dari zaman ke zaman hingga ke hari ini. Antara karya yang banyak dihasilkan oleh ulama' berkenaan fiqh dalam pelbagai mazhab ialah al-Hanafi, al-Maliki, al-Syafie, al-Hanbali, al-Zaidah, al-Imamiah dan lain-lain. Karya ulama'-ulama' ini sarat dengan istilah-istilah fiqh dan usul yang kadang-kadang berlainan antara satu sama lain. Justeru, buku ini ditulis bertujuan menjelaskan istilah yang diguna pakai oleh ulama'-ulama' mazhab iaitu Mazhab Hanafi, Maliki, Syafie dan Hanbali yang berkemungkinan menimbulkan kekeliruan dan kesamaran dalam kalangan pembaca. Ia berperanan menjelaskan segala rumus dan istilah yang diguna pakai oleh keempat-empat mazhab tersebut.



## MUGHNI AL-MUHTAJ

Penulis: al-Syeikh Syamsuddin Muhammad bin Ahmad al-Khathib al-Syarbini

Kitab ini adalah huraian (syarah) bagi Kitab Minhaj al-Thalibin karya Imam Abu Zakariyya Yahya bin Syaraf al-Nawawi (676H). Ia merupakan sebuah syarah sederhana beserta dalil dan penjelasan (*ta'alil*) yang diambil dari kalam Imam Asy-Syafie, ashab juga ulama' mutaakhirin. Pendapat dan pandangan beliau juga adalah seperti apa yang disebut oleh Imam Al-Nawawi berkaitan pandangan yang *rajih* dan *marjuh* berdasarkan Kitab Umdatul Lil Mufti. Kitab ini dianggap sebagai himpunan bagi hukum-hukum ibadat dan muamalat. Selain itu, kitab ini juga dianggap sebagai karya yang istimewa kerana ketelitian ibarat, persembahan gaya penulisan dan susunan yang baik melalui pembawaan dalil tanpa membuat perbandingan antara mazhab yang lain.





# JOM KENALI BUKU TERBITAN **JAKIM**

# Buku Bertemakan Syariah —



## PENGARUH QIRAAT SHAZZAH DALAM PENDALILAN IMAM MAZHAB FIQH

Penulis: Dr. Yusri bin Chek

Sesungguhnya penggunaan qiraat berperanan penting dalam pendalilan hukum fiqh sekalipun ia berstatus shazzah. Malah, pola penggunaannya adalah berkesinambungan dengan pola pemikiran imam mazhab fiqh. Lebih daripada itu, penggunaan Qiraat Shazzah sebagai dalil, bukan sahaja menyentuh amalan-amalan sunat semata-mata, bahkan juga amalan-amalan wajib. Ia juga bukan sekadar dalam bab ibadat tetapi juga meliputi bab-bab lain seperti munakahat, kaffarat dan jinayat. Penulisan buku ini bertujuan menghuraikan latar belakang Qiraat Shazzah dan hubungannya dengan hukum fiqh. Ia juga menghuraikan tentang pola penghujahan imam mazhab fiqh dan pola pendalilan Qiraat Shazzah dalam kalangan mereka.

## ENSIKLOPEDIA FIQH ORANG KELAINAN UPAYA (OKU)

Penulis: Prof Madya Dr. Azman Ab Rahman



Islam adalah agama yang syumul dan praktikal. Syariat Islam sesuai diamalkan oleh seluruh umat manusia tanpa mengira batas umur, tempat tinggal, bangsa, budaya atau keupayaan fizikal. Bagi golongan orang kelainan upaya (OKU), Islam telah menggariskan hak-hak dan kewajipan tertentu sesuai dengan keupayaan fizikal mereka untuk beribadat dan mendekatkan diri kepada Allah SWT. Buku ini merupakan sebuah penulisan ilmiah yang menjelaskan isu-isu serta permasalahan fiqh berkaitan OKU dalam empat aspek iaitu ibadah, munakahat, muamalah dan jenayah. Setiap bab disusun secara sistematik dan dibincangkan secara informatif bagi memberi kefahaman yang tepat dan menyeluruh kepada para pembaca.




## ISU-ISU DALAM IBADAT PUASA

Penulis: Dr. Zulkifly Muda

Buku ini merupakan sebuah karya yang ditulis khusus bagi menjawab permasalahan ummah mengenai ibadah puasa. Menariknya, gaya penulisan buku ini berbeza dengan karya-karya yang lain. Setiap tajuk yang dikemukakan akan dihuraikan berdasarkan nas-nas syarak, latar belakang nas dari sudut makna dan pengistinbatan hukum-hukumnya. Bagi mencapai kesempurnaan, beberapa pandangan ulama' Islam daripada beberapa mazhab turut dikemukakan. Topik perbincangan adalah meliputi pelaksanaan ibadah puasa, masalah-masalah yang sering menimbulkan keraguan dan pertanyaan dalam melaksanakan ibadah puasa serta fenomena lupa semasa melaksanakan puasa hingga melakukan perkara-perkara yang ditegah seperti makan, minum, jimak dan sebagainya.

## ISU PESAKIT YANG SENTIASA BERHADAS

Penulis: Dr. Nizaita Omar



Apabila berinteraksi dengan para pesakit, didapati ada sebahagian daripada mereka mengalami masalah sentiasa berada dalam keadaan berhadas sama ada hadas kecil atau hadas besar. Ia merupakan satu penyakit yang perlu diberi perhatian khususnya dalam aspek taharah (bersuci) dan ibadat solat yang merupakan tiang agama bagi umat Islam. Gambaran penyakit ini antaranya ialah keadaan najis yang sentiasa keluar dari dubur dan qubul atau selainnya termasuk air mazi, air kencing, najis selain air kencing dan keadaan wanita yang sentiasa beristihadah.



## WANITA DALAM IBADAH SOLAT

Penulis: Dr. Rokiah binti Ahmad

Buku yang menjelaskan aturan solat yang perlu diketahui dan dilakukan oleh golongan wanita kerana cara ibadahnya berbeza dengan golongan lelaki. Pemahaman yang jelas melalui buku ini akan dapat membantu para wanita untuk melaksanakan solat dengan sempurna.



# JOM KENALI BUKU TERBITAN JAKIM

# Buku Bertemakan Tokoh Islam




## ABU' ABDULLAH MUHAMMAD BIN IDRIS AL-MUTTALIB AL-SHAFII (150H - 204H)

Penulis: Dr. Haji Mat Saad Abdul Rahman

Imam Al-Shafii merupakan seorang alim yang masyhur dan tersohor dalam kalangan umat Islam seantero dunia. Walaupun begitu, tidak semua orang mengetahui perjalanan hidup yang dilalui, kebolehan dalam pelbagai bidang ilmu serta kemahiran beliau dalam seni *al-furusiyah* (berkuda) dan memanah. Buku ini mengupas perjalanan hidup seorang pendiri mazhab, siri penjelajahannya dalam mencari ilmu, meneliti kader yang terdiri daripada para sahabat dan murid-murid beliau, menganalisis karya tulisan dan keintelektualan beliau dalam pelbagai bidang serta menjelaskan pandangan ulama' terhadap diri Imam al-Shafii.

## BIOGRAFI DATO' HAJI HASSAN AZHARI

Penulis: Abu Rauf Hassan & Wan Norainawati Wan Hamzah



Dato' Haji Hassan Azhari nama yang tidak asing lagi dalam bidang pengajian al-Quran. Tokoh ini didapati amat berpengalaman dalam bidang ini dan banyak menyumbangkan jasa serta pengorbanan menerusi kepakaran yang dimilikinya kepada masyarakat dan negara. Beliau telah memperuntukkan sebahagian besar masa hidupnya mengajar al-Quran kepada anak bangsa melalui pelbagai media termasuklah radio dan televisyen. Khusus kepada JAKIM, jasa dan pengorbanannya menjayakan Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa amat bermakna dan dihargai. Oleh itu riwayat tokoh ini wajar dihargai dan diabadikan dalam sebuah buku sebagai contoh dan teladan kepada masyarakat.

## ENSIKLOPEDIA ULAMA' JILID 1 HINGGA 14

Penulis: Dr. Haji Mat Saad Abdul Rahman



Para ilmuan ini adalah insan yang bekerja keras kerana Allah, agama dan perjuangan Rasul-Nya, di samping berusaha melaksanakan tanggungjawab sebagai pewaris para anbiya'. Buku ini mengemukakan ketokohan para ulama' Mazhab Shafii dari sudut peranan dan sumbangan mereka sebagai pemikir, ilmuwan, pemimpin dan model kepada ummah bermula sejak zaman sahabat, tabi'in dan atba' tabi'in seterusnya diperluaskan ke generasi berikutnya sehingga tahun 2011M. Penerbitan ensiklopedia ini merupakan satu usaha yang murni ke arah melahirkan sebuah khazanah ilmu yang berharga untuk tatapan masyarakat agar dapat menjadi contoh dalam kehidupan masa kini.

## TUN ZAIDI DA'I TERBILANG

Penulis: Datuk Hj. Mohamad Shahir bin Hj. Abdullah



Buku ini mengisahkan kegigihan al-Marhum Tun Ahmad Zaidi Adruce seorang tokoh negara dari Bumi Kenyalang yang banyak terlibat dalam menyampaikan usaha dakwah melalui pelbagai aktiviti. Tidak ramal yang mengetahui bahawa di sebalik jawatannya sebagai Yang di-Pertua Negeri Sarawak, beliau sebenarnya seorang pendakwah. Perjuangan yang dilakukan untuk anak bangsanya terserlah melalui kebersamaan dan kesungguhan beliau dalam pelbagai aktiviti keagamaan yang dianjurkan oleh pelbagai pihak. Penulisan ini dibukukan untuk berkongsi pengalaman penulis bersama al-Marhum Tun Ahmad Zaidi kepada para pembaca.



# Wakaf Sejuta Al-Quran

# RM38/ SENASKAH

Akaun Bank Islam Malaysia Berhad  
(Yayasan Waqaf Malaysia)

16018010019680

Sebanyak 5% atau apa-apa jumlah % daripada sumbangan adalah bagi pengurusan kepada YWM seperti diperetuji oleh Jawatankuasa Syariah YWM.  
Bagi mendapatkan resit rasmi, sila hantar slip sumbangan ke alamat email:  
Info@ywm.gov.my / WhatsApp: 019-2007481



[www.ywm.gov.my](http://www.ywm.gov.my)



Yayasan Waqaf Malaysia

## PELUANG BERIBADAH MELALUI KEMPEN SOLIDARITI SEJUTA AL-QURAN

Firman Allah SWT melalui Surah Ali Imran, ayat 2 yang bermaksud:

"Kamu tidak sekali-kali akan dapat mencapai (hakikat) kebijikan dan kebaktian (yang sempurna) sebelum kamu dermakan sebahagian dari apa yang kamu sayangi. Dan sesuatu apa jua yang kamu dermakan maka sesungguhnya Allah mengetahuinya."

- Kempen ini adalah suatu inisiatif mengajak orang ramai untuk mewakafkan nilai berjumlah RM38.00 bagi senaskah al-Quran

sebagai tindak balas penuh hikmah Kerajaan terhadap tragedi pembakaran al-Quran di Sweeden

- Inisiatif ini adalah selari dengan pengumuman YAB Perdana Menteri untuk mencetak sejuta naskah al-Quran bertujuan diedarkan ke seluruh dunia
- Jom kita sama-sama berwakaf! Jangan lepaskan peluang anda untuk beroleh & menyebarkan manfaat kebaikan melalui kempen ini seluasnya ke seluruh alam Barakallahufikum